



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK ISMAIL BIN MOHAMAD
TOKOH PEMAIN GASING URI

OLEH:

FASIHAH HAZIRAH BINTI ABDUL HALIM	2022970901
NURSYAFINAZ BINTI MOHAMAD FUA'AT	2022898716

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2024 – OGOS 2024)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK ISMAIL BIN MOHAMAD
TOKOH PEMAIN GASING URI

OLEH:

FASIHAH HAZIRAH BINTI ABDUL HALIM	2022970901
NURSYAFINAZ BINTI MOHAMAD FUA'AT	2022898716

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2024 – OGOS 2024)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah, lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam. Ribuan terima kasih dan penghargaan kami ucapkan pertama sekali kepada ENCIK ISMAIL BIN MOHAMAD kerana tanpa kerjasama daripada pihak beliau mungkin kerja yang diberikan ini tidak dapat kami selesaikan dengan jayanya. Tidak lupa juga kepada pensyarah yang mengajar subjek PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN (IMR604) ini iaitu PUAN NURULANNISA BINTI ABDULLAH atas ilmu dan tunjur ajar yang sentiasa diberikan tanpa lelah.

Sekalung penghargaan juga diberikan kepada setiap ahli sepasukan yang sudi memberikan komitmen dari segi masa dan tenaga untuk menyiapkan kerja ini. Berkat sumbangan idea yang dan kerjsama yang diberikan oleh setiap ahli pasukan membolehkan segala urusan dapat berjalan dengan lancar.

Akhir sekali, ribuan terima kasih juga kepada semua ahli keluarga yang turut memberikan sokongan padu dan sentiasa mendoakan kejayaan kami sepanjang siang dan malam. Walaupun mempunyai kekangan, dengan berkat kasih dan saying mereka, kami bermotivasi untuk melengkapkan tugas yang diberikan.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Temubual ini dilakukan bersama Tokoh Gasing Uri iaitu Encik Ismail Bin Mohamad ataupun lebih dikenali sebagai Abe Noor yang mana bertujuan bagi mengenali serba sedikit tentang permainan tradisional ini. Temubula ini dijalankan di kediaman rumah beliau di Kubang Kerian, Kelantan. Tarikh tembual tersebut adalah pada hari jumaat bersamaan 17 Mei 2024 bermula pada jam 10.30 pagi hingga 1.30 tengah hari. Gasing Uri merupakan salah satu permainan tradisional yang terkenal di negeri Kelantan. Pemilihan Encik Ismail untuk ditemubual berkaitan permainan Gasing Uri ini adalah disebabkan beliau terkenal dalam masyarakat setempat dalam penghasilan gasing Uri. Beliau sendiri telah mempelajari dan mendalami pembuatan gasing daripada bapanya sehingga berjaya menghasilkan Gasing Uri. Penghasilan Gasing Uri turut telah menjadi warisan keluarganya. Pengalaman beliau ini dilihat dapat dijadikan sumber panduan untuk masyarakat sekeliling untuk lebih mengenali tentang permainan Gasing Uri ini sendiri dengan lebih mendalam.

Kata kunci: Gasing Uri, Abe Noor, permainan tradisional, permainan gasing, Tokoh Gasing Uri

Abstract: This interview was conducted with Tokoh Gasing Uri which is Encik Ismail Bin Mohamad or better known as Abe Noor which aims to get to know a little bit about this traditional game. This interview was conducted at his home in Kubang Kerian, Kelantan. The date of the interview is on Friday 17 May 2024 from 10.30am to 1.30pm. Gasing Uri is one of the famous traditional games in the state of Kelantan. Encik Ismail's selection to be interviewed in relation to this Gasing Uri game is because he is famous in the local community for the production of Uri tops. He himself has studied and deepened the making of gasing until he succeeded in producing Gasing Uri. The production of Gasing Uri has also become a family legacy. His experience can be seen as a source of guidance for the surrounding community to learn more about the Gasing Uri game itself.

Keywords: Gasing Uri, Abe Noor, traditional game, gasing game, Tokoh Gasing Uri

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK.....	ii
ISI KANDUNGAN	1
BIODATA.....	2
BIODATA PENEMU RAMAH.....	2
BIODATA TOKOH.....	3
PENGENALAN.....	4
PENGENALAN.....	5
TRANSKRIP	7
TRANSKRIP	8
LAMPIRAN.....	40
LOG	41
WAWANCARA	41
DIARI KAJIAN	48
SENARAI SOALAN	51
SURAT PERJANJIAN	59
GAMBAR	61
BIBLIOGRAPHI.....	70
INDEKS	72

BIODATA TOKOH



FULL NAME:	ISMAIL BON MOHAMAD NOR
NICK NAME:	Abe Nor
FACEBOOK:	Abe Nor
ADDRESS:	Kubang Kerian, Kelantan
PHONE NUMBER:	

PENGENALAN

PENGENALAN

Salah satu jenis gasing yang paling disukai di negeri Kelantan ialah Uri. Permainan gasing boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu gasing sukan dan gasing tradisional. Cara permainan yang jalankan dan peraturannya sangat berbeza dari tempat, ia akan mengikut kaedah yang digunakan oleh ketua kumpulan gasing kampung atau daerah itu sendiri. Walau bagaimanapun, prinsip asas yang utama untuk menjalankan permainan ini adalah sama seperti memutar, memangkah dan membela uri. Aturan yang berbeza iaitu membela , membelit tali, menambahkan perkakas, dan jumlah pemain telah menimbulkan perbezaan dalam permainan ini. Gasing Uri mempunyai pangkal badan yang kecil dan dipenuhi dengan "Simpai." Gasing jenis ini terikat dengan kuat kepada gabungan yang terdiri daripada timah, besi, atau plumbum. Timah digunakan untuk membuat simpai kerana ia boleh dipangkas. Walaupun gasing ini tidak besar dan mempunyai bentuk yang cantik dan pipih, ianya berat iaitu sekitar tiga hingga lima kilogram. Gasing Uri mempunyai ketebalan 1.5 inci dan lilitan 24 inci. Gasing hanya boleh dijalankan pada persembahan peradaban bertaraf dunia atau di sekolah melalui acara pengenalan semata-mata dan biasanya Gasing Uri dimainkan oleh kaum lelaki kerana ia adalah permainan yang sukar dan berat untuk kaum wanita. Orang Kelantan bermain gasing buatan sendiri iaitu dari kayu dan timah. Ketika bermain permainan ini, kemahiran dan disiplin amat penting kerana permainan mempunyai langkah dan cara tersendiri untuk bermain.

Asal-usul permainan tradisional ini bermula apabila ia dianggap sebagai permainan rakyat semasa pemerintahan Raja Jembal, yang telah berkuasa di Kelantan pada abad ke-17 dan ke-18. Pada zaman Raja Jembal, Gasing Uri hanya dimainkan oleh rakyat semasa mereka lapang. Gasing telah menarik perhatian pembesar kerana kebolehannya untuk berputar ligat untuk masa yang lama dan menjadi sebagai salah satu acara pertunjukan yang biasa dilakukan pada majlis istana. Oleh itu, kerana harga gasing agak mahal pada masa itu, masyarakat mula belajar daripada orang tua yang lebih arif cara membuat gasing. Lama kelamaan, permainan ini berkembang menjadi sejenis pertunjukan dalam majlis rasmi dan acara sukan rakyat. Walau bagaimanapun, apabila kuasa takluk Raja Jembal berkembang ke seluruh negeri Kelantan, baginda memperkenalkan Gasing Uri sebagai permainan yang boleh dimainkan oleh rakyat biasa. Setiap bulan, daerah dan kampung bersaing dalam permainan ini. Ini adalah untuk menunjukkan kumpulan mana yang lebih berkebolehan dari

kampung dan daerah. Oleh itu, ramai pemain Gasing Uri tradisional berasal dari jajahan takluk kesultanan Raja Jembal yang bermula di Kampung Kedai Lalat atau lebih dikenali sebagai Kota Jembal meluas ke Kampung Kemumin, Sabak, Binjai, Bukit Marak Melor, Pasir Puteh dan Jertih, yang kini menjadi wilayah Terengganu. Oleh itu, aktiviti berpasukan permainan gasing ini termasuk dalam mengambil bahagian dalam pertandingan dan membuat persempahan pada majlis kebudayaan yang dianjurkan oleh jabatan kebudayaan negeri Kelantan. Aktiviti ini dilakukan untuk memastikan seni tradisional Melayu negeri Cik Siti Wan Kembang kekal hidup dan tidak hilang dimakan zaman.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai permainan tradisional negeri Kelantan iaitu gasing uri. Bersama-sama kami ialah Abe Noor yang merupakan seorang pemain dan pembuat gasing uri. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 17 May 2024 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 10.30 pagi bertempat di rumah kediaman Abe Nor, Kampung Padang Bemban, Kota Bharu, Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Fasihah Hazirah Binti Abdul Halim dan Nursyafinaz Binti Mohamad Fua'at. Dengan segala hormatnya temu bual ini dimulakan.

Berikut adalah hasil rakaman.

PETUNJUK

FH: Fasihah Hazirah

NS: Nursyafinaz

AN: Abe Noor

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

FH : Pertama sekali saya nak bertanyakan tentang latar belakang encik. Apakah nama sebenar encik?

AN : Assalamualaikum w.b.t nama sebenar saya Ismail bin Mohamad tapi di kalangan kawan-kawan sepermainan di panggil dengan panggilan Abe Nor dan dilahirkan di kampung ni [ini] lahir di besarkan disini dan bersekolah pon disini juga. Di sini di Kampung Padang Bemban.

FH : Berapakah umur encik?

AN : Sekarang ni umur saya dah 50 tahun.

FH : Bilakah tarikh lahir encik?

AN : Tarikh lahir ambo

FH : Dimanakah tempat lahir encik?

- AN : Tempat lahir di Kota Bharu.
- FH : **Apakah nama panggilan?**
- AN : Panggilan nama saya? Panggilan kalau di apa di rakan rakan sepermainan dipanggil dengan panggilan Abe Nor.
- FH : **Abe Nor anak ke berapa?**
- AN : Saya kalau dikira anak sulung lah.
- FH : **Daripada?**
- AN : Daripada tiga beradik.
- FH : **Nama isteri Abe Nor?**
- AN : Isteri
- FH : **Adakah isteri Abe Nor bekerja, dan jika bekerja apakah pekerjaan beliau?**
- AN : Dia mengendalikan kedai runcit.
- FH : **Bilangan anak Abe Nor?**
- AN : Anak
- FH : **Apakah pekerjaan anak-anak Abe Nor?**
- AN : Pekerjaan ke apa mereka banyak bekerja sendirilah dan yang bongsu tu dia bekerja sebagai ukur bahan arkitek ukur bahan di Kuantan.
- FH : **Adakah ada di antara anak Abe Nor yang mengikuti Abe Nor bermain gasing?**
- AN : Setakat hari ini takde [tidak ada] pasal [kerana] dia orang [mereka] banyak perempuan. Tiga perempuan dan satu lelaki. Satu lelaki sibuk sangat yang mengikuti jejak langkah saya adalah anak-anak saudara saya.
- FH : **Apakah hobi Abe Nor pada waktu lapang, Adakah bermain gasing juga?**
- AN : Hobi saya dalam kebudayaan banyak. Gasing dah menjadi darah daging dan saya juga boleh membuat wau dan permainan lain pun kita ikut juga kalau macam dikir barat “ko” [ke].

TAMAT BAHAGIAN A

BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN

FH : **Dimanakah sekolah rendah Abe Nor?**

AN : Saya belajar di sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Mentuan.

FH : **Dimanakah sekolah menengah Abe Nor?**

AN : Sekolah menengah di Raja Sakti. Selepas itu saya sambung pelajaran saya di Kolej Vokasional Pengkalan Chepa.

FH : **Atas jurusan?**

AN : Di Kolej Vokasional Pengkalan Chepa saya *welding construction* [bina bangunan].

FH : **Belajar tu sijil ke apa?**

AN : Belajar waktu dulu dia takdok [tidak ada] diploma la belajar apa kira dia setara dengan kalau di Kolej Vokasional tu di Sekolah Menengah Vokasional ni taraf dia sama dengan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia).

FH : **Belajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tu dekat Kolej Vokasional la?**

AN : Hemm.

FH : **Lepastu habis belajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tu bekerja la?**

AN : Masa saya bekerja di apa. Banyak kerja kita buat pernah bekerja empat lima enam tahun juga di KL (Kuala Lumpur). Macam macam [Pelbagai] kerja saya buat tapi kebanyakan kerja sendiri lah. Ha gitu [seperti itu].

TAMAT BAHAGIAN B

BAHAGIAN C: SEJARAH GASING

FH : **Boleh Abe Nor ceritakan sedikit tentang sejarah bermulanya permainan gasing uri ini?**

AN : Gasing uri ni bermulanya kalau nak dikirakan lebih kurang 700 tahun lalu. Dia berpusat disini ada satu pemerintahan iaitu apa dinamakan kesultanan jembal dimana dia berpusat di kedai lalat sekarang ini dipanggil Kota Jembal. Ha gitu [seperti itu] jadi beliau lah yang bermain gasing. Jadi di Kelantan ini tidak semua bermain gasing cuma kawasan- kawasan yang ditakluki oleh kesultanan jembal sahaja yang bermain gasing iaitu bermula daripada Pengkalan Chepa, Sering, masuk ke Pasir Putih iaitu Kubang Telaga, Gaal dan sedikit kawasan di Besut, Terengganu.

FH : **Terdapat beberapa pendapat yang menceritakan tentang asal-usul permainan gasing, antaranya adalah berasal daripada permainan laga telur, juga dikatakan daripada permainan buah berembang yang mudah diperolehi di tepi-tepi pantai dan ada juga mengatakan gasing berasal dari Mekah dan telah dibawa ke tanah melayu oleh pedagang Arab, adakah benar maklumat- maklumat yang kami terima ini?**

AN : Sebetulnya maklumat itu boleh diterima akal juga maknanya gasing ni sesuatu yang bulat dan buah berembang itu dia seakan akan dengan gasing jadi dikatakan pedagang Arab itu boleh jadi juga. Pasal [kerana] apa pedagang Arab tu dia mengembangkan ugama [agama] Islam jadi mungkin tempat kita belum beragama Islam jadi dia nak tarik kita ke arah tu [itu] terpaksa bermain gasing contohnya kalau di Indonesia dia sanggup bermain wayang kulit semata-mata untuk berdakwah jadi disini gasing juga rasa - rasanya macamtula peranan dia.

FH : **Pada tahun berapakah bermula nya permainan gasing ini di tanah melayu?**

AN : Gasing ni kalau gasing uri saya rasa dalam lebih kurang 700 tahun. Jadi Kesultan Jembal ni dia selepas Kesultanan Melaka mungkin begitulah.

FH : **Negeri manakah yang pertama sekali memainkan gasing uri ini?**

AN : Main gasing uri ini disini sahaja. Di Kelantan sahaja di Kelantan pun Kota Bharu. Jadi kalau kawasan Tumpat, Pasir Mas ataupun Gua Musang tak [tidak] ada bermain gasing dia tak [tidak] pandai bermain gasing cuma kawasan sini sahaja Kota Bharu.

FH : **Di dalam Malaysia ni, negeri Kelantan jela yang mainkan gasing uri?**

- AN : Jadi kalau betul lah di Malaysia ni [ini] gasing uri dimainkan di Kelantan sahaja.
- FH : **Menurut pembacaan yang telah kami lakukan, terdapat beberapa jenis dan nama bagi permainan gasing ini, jadi boleh Abe Nor ceritakan sedikit tentangnya?**
- AN : Gasing ni [ini] dia banyak kalau gasing disini ada jugak Gasing Pangkah Gasing Uri, Gasing Pangkah. Haa antara dua itu lah. Gasing Pangkah contohnya Gasing Pangkah ini apa dimainkan ikut negeri masing masing. Kalau Kelantan ikut cara Kelantan, kalau Johor ikut Johor, Melaka cara Melaka, tapi kalau dipertandingkan apa dia masukkan kepada peringkat kebangsaan dimainkan atas undang undang tu lah undang undang kebangsaan. Jadi kalau dipertandingkan ikut tradisi masing-masing. Pasal [kerana] dia bagi undang undang jadi kene [perlu] ikut undang-undang tu [itu] lah.
- FH : **Apakah perbezaan bagi setiap jenis permainan gasing ini?**
- AN : Gasing pangkah dia diperbuat daripada kayu. Takde (tidak ada) buat daripada kayu. Pusing dan pangkah tu je [itu sahaja]. Berbanding dengan gasing uri dia pusing dan tengok berapa lama dia berpusing dan buatan dia unik. Buatan dia kombinasi di antara kayu dan timah dan bahan-bahan lain tembaga, aluminium. Jadi kalau sekali pusing dia boleh tahan selama dua jam setengah dan berat, berat badan gasing seberat empat kilo.
- FH : **Adakah orang luar daripada Malaysia juga bermain gasing?**
- AN : Kalau gasing pangkah dorang [mereka] main. Dia tau main. Macam [seperti] saya kata tadi lah ikut kalau Melaka ikut negeri tradisi Melaka kalau Kelantan ikut Kelantan kalau Terengganu ikut Terengganu. Tapi kalau gasing uri ni dimainkan disini sahaja. Dorang [mereka] tak pernah tengok tak pandai main gasing cuma sekarang ni sebab tu kita buat *show* [persempahan] memperkenalkan gasing uri kita ke seluruh Malaysia.
- FH : **Adakah permainan gasing ini dilakukan secara berkumpulan ataupun bersendirian?**
- AN : Gasing pangkah ke gasing uri ke dimainkan berpasukan. Jadi contohnya, kalau gasing uri ini kita kene [harus] ada kita kene [harus] menyediakan gasing sebanyak paling paling 30 biji. Pemain kita kena ada dua puluh orang pemain. Jadi kalau tak cukup dua puluh orang pemain lepastu [selepas itu] kena [harus] ada pembuat gasing. Dalam pasukan kita kena ada pembuat gasing lepastu [selepas itu] kena ada tukang baiki gasing. Jadi kalau gasing rosak misalnya [contohnya] rosak semasa dalam perlawanan kita boleh beki [baiki] terus.

- FH : **Jika permainan itu dilakukan secara berkumpulan, apakah tugas setiap pemain?**
- AN : Contohnya dia ada pemusing sebanyak lima orang lepastu tukang balut tali lima orang dia jadi sepuluh kan lepastu [selepas itu] pembantu ada lima orang lagi lepastu [selepas itu] ketua pasukan, tukang sambut, penolong ketua pasukan. Jadi kita kena ada paling paling pun seramai dua puluh lima orang.
- FH : **Siapakah yang membantu Abe Nor dalam pembuatan gasing?**
- AN : Peringkat dulu saya buat berseorangan tapi sekarang ni ada anak saudara yang pandai dia boleh tolong sikit dia boleh tololng lepastu dia boleh baiki sekali jadi dia ini merupakan pelapis.
- FH : **Berapa tahun kah umur gasing paling tua yang telah Abe Nor mainkan?**
- AN : Hem gasing yang paling tuo [tua] dalam 50 tahun lebih tapi gasing itu tidak dimainkan kita taruh [simpan] sebagai koleksi sebab gasing ni [ini] dia antara tahun ke tahun dia (gasing) contoh tahun 2000 dan tahun selepas 2000 dia ada perubahan sedikit. Jadi sebelum tahun 2000 gasing boleh berpusing selama satu jam empat puluh minit sahaja lepastu [selepas itu] kalau selepas tahun 2000 kita baiki kita ubah suai sikit [sedikit] dia boleh berpusing selama dua jam setengah.
- FH : **Semasa bermain gasing, apakah peraturan yang perlu dipatuhi?**
- AN : Dia peraturan dia dah ada sebenarnya, kita nak masuk gelanggang tu kita kena [harus] biasalah pasal [kerana] benda tradisional kan kita nak masuk gelanggang kita kena [harus] buka. Kalau pakai jam kita kena [harus] buka jam. Berkaki ayam. Jadi kalau tradisional kena [harus] ikut betul betul tradisional. Sama juga kalau kita buat *show* [persembahan] mana-mana. Kita buat *show* [persembahan] apa di KL (Kuala Lumpur) contohnya kita kena pakai semuta (kain balut kepala), tidak boleh pakai seluar jeans, kena [harus] pakai T-shirt pastu [selepas itu] kena pakai selendang sikit sama dengan apa orang nak bersilat.
- FH : **Gasing pangkah dengan gasing uri. Gasing manakah yang tidak akan mudah rosak?**
- AN : Gasing kalau kira gasing pangkah cepat rosak, sebab dia nama lagi gasing pangkah bila pusing kita pangkah. Mungkin bila terkena lantunan yang kuat dia akan pecah tapi kalau gasing uri ni kita kena [harus] jaga dengan cukup-cukup jaga dia pasal [kerana] gasing uri dia ada balancing jaga balancing dia supaya balancing jangan lari kalau lari balancing kita punya gasing tidak berpusing lama kita kena jaga betul-betul lah kira nak pusing kena buat balancing dulu

sedangkan gasing pangkah tidak perlu buat balancing. Keluarkan gasing terus pusing tapi dia kena servis dulu baru kita boleh mainkan. Lagipun gasing pangkah ni dia kayu sahaja. Bila kayu sahaja kita letak mana-mana pun dia cepat rosak berbanding dengan gasing uri dia kayu di dalam lepastu [selepas itu] timah di luar. Jadi dia ada timah tu sebagai simpal itu kira sebagai lilitan timah jadi gasing tidak akan cepat rosak.

- FH : **Bagaimana permainan gasing uri telah berubah dan berkembang dari masa ke masa, adakah terdapat perubahan dalam cara ia dimainkan atau dalam reka bentuk gasing itu sendiri?**

- AN : Cara permainan gasing tak berubah dia tak ada perubahan kalau adapun tak banyak la. Begitu juga dengan gasing, gasing tetap tidak akan berubah cuma ada sikit-sikit je. Badan gasing tetap sama cuma aksesori dia mungkin kita buat *design* [reka bentuk] lain-lain sikit gitu jelah [seperti itu sahaja lah]. Jadi gasing tidak akan berubah cuma kalau berubah pun dari segi kalau dulu kita buat gasing dalam tiga kilo setengah dan sekarang jadi empat kilo tu je [itu Sahaja]. Gasing tu sama besar. Kalau lilitan dua puluh empat inci sekarang pun dua puluh empat inci juga cuma kita tambah berat gasing sahaja.

- FH : **Adakah permulaan gasing hanya menggunakan kayu sahaja untuk membentuk gasing?**

- AN : Betul, kalau gasing pertama yang dimainkan mengikut cerita orang tua-tua adalah kayu sahaja dia buat kayu lepastu [selepas itu] dia kayu sahaja terutamanya kayu tu kayu berat. Contohnya, kayu tenaga, kayu yang berat-berat kayu ciku sawo nilo [sawa nila] lepastu kayu-kayu yang berat-berat. Peringkat pertama kalau lepastu [selepas itu] dia dimainkan dia kalau gasing pertama kayu tu dia boleh berpuing selama dua puluh minit je [sahaja] gitulah [seperti itu lah] lepastu [selepas itu] dia biasalah perlawan kan dia nak cari *leader* [ketua] yang berfikir menjadikan gasing jadi berpuing lama. Lepastu [selepas itu], dia buat timah. Timah sembunyi, maksudnya gasing tu nampak kayu tapi di dalam kayu tu dia sembunyikan timah. Jadi kita tak nampak lah. Jadi tu [itu] peringkat kedua. Lepastu [selepas itu] dah jadi tak selesai juga. Bila main lagutu [seperti itu] jadi pergaduhan. Jadi tak selesai juga. Lepastu [selepas itu] *last* [akhir sekali] sekali sekarang ni timah ni [ini] la nampak timah la macam [seperti] sekarang ni [ini] dia ikut perubahan timah ni [ini] ikut musim-musim ikut hidup keadaan semasa. Selepas ni, apa sepuluh tahun lagi ke lima puluh tahun lagi ke tak tahu lah tak terfikir macam mana [bagaimana] nak berubah (keadaan gasing).

- FH : **Bagaimakah cara pembuatan sebuah gasing uri?**
- AN : Dia gasing ini dia kita kena [harus] cari kayu dulu. Kena [harus] mencari kayu cari bahan-bahan dia. Kayu, timah, tanduk kerbau, aluminium. Kita ambil sedikit tanduk kerbau untuk jadikan kepala gasing. Kayu tu [itu] dijemur selama dua bulan biar dia betul-betul kering. Kalau kayu tak betul-betul kering. Kalau kita buat gasing kan dia akan cepat rosak. Di antara timah dan kayu. Dia akan jadi renggang. Apabila dia renggang gasing kita tak berpusing selama kita mau. Jai biasa kita nak dua jam tak sampai lah. Ha lepastu [selepas itu] kita dah kering kayu tu selama kita jemur selama dua bulan kita boleh proses dan kita mula buat gasing lah. Kita buat piring gasing. Dah siap piring gasing kita buat acuan timah. Kita masak timah tu kita masak selama empat puluh lima minit. Apabila timah itu lebur, mendidih kita pasang acuan lepastu [selepas itu] kita masukkan timah selepas itu kita apa masuk ke tempat dipanggil bendu. Bendu, tu sejenis alat tradisional untuk kita buat gasing dimana bendu ini dia boleh memutarkan objek. Benda ni kita boleh menjadi bulat betul betul. Kita masuk ke bendu selama tadi gasing ni satu hari sebiji je boleh buat. Bermula daripada A sampai ke Z. Satu hari satu biji saje [sahaja] boleh buat dan kita tuang timah tu kita larikan ke bendu selama dua jam siap. Satu hari sebiji gasing kita boleh buat. Dua jam tu kalau kita masuk timah. Lepastu [selepas itu] kita larik sampai siap dua jam. Sebelum pada tu kita larik kayu dulu. Siap kayu dulu. Lepastu [selepas itu] kita boleh masuk timah. Pasang acuan dia gapo [apa] baru kita boleh buat.
- FH : **Berapakah harga satu gasing yang telah siap?**
- AN : Satu gasing, kalau gasing tu saiz standard kira [dikira] biasa gasing ni dalam keadaan biasa hargo [harga] dia RM500. Rm550 lah. Ha tulah [seperti itu lah] tapi kalau tengok atas kayu lah kalau kayu cantik lagi mahal la. Kayu dia macam macam [pelbagai jenis] ada kayu berbaru ada kayu merbau ada rambutan ada. Apa - apa kayu cantik kita buat gasing. Yang paling popular nya kayu berbaru dan kayu merbau.
- FH : **Berapakah berat setiap satu gasing?**
- AN : Berat dia 3.7 hingga [sehingga] 4 kilo. Tak [tidak] boleh lebih dari 4 kilo.
- FH : **Tali apakah yang digunakan dalam permainan gasing?**
- AN : Tali sekarang ni kita pakai tali kapal. Tapi kalau waktu dulu waktu gasing apa yang dulu-dulu orang tua kita main dulu dia buat daripada kulit kayu. Dia, ambil kulit kayu lepastu [selepas

itu] dia jemur, dia ketuk-ketuk kulit kayu boleh buat gasing. Tapi, sekarang ni kulit kayu macam [seperti] orang tua buat dulu tak [tidak] boleh pakai kerana tak kuat tali tu. Tak boleh tahan sampai dua tiga tahun. Jadi tali gasing ni makin lama makin sedap, makin okey tali dia. Kalau berbaru apa tak [tidak] bagus tapi kalau tali buat sendiri pakai kayu tu apabila sedap dah rosak. Ha jadi untuk nak jadikan ngam [elok] balik tu kira ambil masa plak tapi kalau tali yang kita pakai sekarang ni dia takkan rosak [tidak akan rosak] pasal [kerana] tali ni tali kuat.

FH : **Boleh Abe Nor kongsikan sedikit tentang cara-cara untuk bermain gasing uri ini?**

AN : Cara dia kita kena [harus] ada gelanggang. Gelanggang dia lebih kurang 20 kaki dia punya bulatan 20 kaki lepa tu [selepas itu] dia letak BOM. BOM tu kira macam platform la letak tengah-tengah. BOM tempat pusing gasing. Jadi di gelanggang tu dia beloh [belah] gelanggang tu. Selepas tu dia undi lah. Sape sape [siapa-siapa] yang boleh belah kiri atau belah kanan contoh A belah kanan B belah kiri. Begitulah. Bila pusing dia tak [tidak] boleh langkah dia punya urat [garisan] tengah-tengah tu tak [tidak] boleh. Jadi, pasukan A tak boleh masuk dalam Kawasan B semasa berpusing gasing kecuali tukang cokok sajo [sahaja] tukang cokok tu macam [seperti] penyambut gasing la. Dia pusing dia sambut gasing tu dia boleh dia bebas. Jadi, pemain tak (tidak) boleh. Pemain apabila pusing gasing kalau misalnya tali gasing ada di tangan lagi jadi dia berjalan terlangkah dia punya urat [garisan] ni dah batal dia punya gasing. Ha dia gitu [seperti itu].

FH : **Adakah terdapat pelajaran khusus ataupun bengkel jika mahu bermain gasing uri?**

AN : Bengkel.. saya sendiri pun tak pernah masuk bengkel. Dia pandai dengan sendiri jah [sahaja] pasal [kerana] kita ni [ini] apa dia gini [seperti ini] lah faktor keturunan. Jadi yang mengajar kira idola -idola orang tua-tua kita jelah [sahaja] pok sedara [bapa saudara] ko datuk kito [kita] sendiri ko [ke] tengok [melihat] dia [mereka] kita jadi kan idola. Lepastu [selepas itu] kita buat cara dia buat. Ha jadi kita tidak pernah berguru dengan orang luar lah. Kita berguru dengan keluarga kita sahaja.

FH : **Selain mengisi masa lapang, apakah peranan permainan gasing dalam masyarakat melayu Kelantan?**

AN : Main gasing ni gasing ni apa satu permainan tapi selepas perlawanan kita boleh mengeratkan silaturahim pasal [kerana] apa dalam ramai-ramai kita pergi mana- mana peminat gasing ramai-ramai ada tak kira lah dia lawan cikgu ke askar ke polis ke apa dia akan berkumpul la

jadi *time* [masa] tu dia sama tak [tidak] kira sapa [siapa] sama jadi takda [tidak ada] darjat la takde [tidak ada] apa-apa sama semua cuma gasing ni betul-betul mengeratkan silaturrahim sambil bermain sambil berkawan.

FH : **Bolehkah Abe Nor ceritakan bagaimana gasing uri ini mendapat namanya?**

AN : Gasing uri ini kalau kira perkataan uri tu adalah *test* [ujian] masa sebenarnya. Apabila gasing tu contohnya ginilah [seperti inilah], kalau gasing baru siap kita nak *test* [uji] dia punya masa dia panggil uri. Contohnya, kita bagi ayat. Jom kita pergi uri gasing, jadi jom kita nak *test* [uji] gasing ni. Ha gitu [seperti itu] jadi di situlah terbentuknya nama gasing uri.

FH : **Bolehkah Abe Nor ceritakan apa yang membuat gasing uri begitu unik berbanding jenis-jenis gasing yang lain?**

AN : Gasing uri ini dari segi pembuatan dio [dia], dari segi pemusing dio [dia]. Dio [dia] pemusing dio [dia] kalau kita tengok betul-betul dio [dia] samo [sama] apo [apa] dengan ilmu pertahankan diri silat begitu juga dengan tukang sambut. Pahtu [selepas itu] gasing ni yo [dia] lenggok dia berpusing kita jadi seolah-olah terbelai gitu lah. Ore [orang] Kelantan kito [kita] kato [cakap] ralik [lali] nengok [melihat]. Ha gitu [seperti itu]. Jadi dio [dia] permainan ni [ini] tok [tidak] pernah tok [tidak] cinta kalu [kalau] tak kenal tu memey [memang] apo [apa] memang kita sayang kali [sekali].

FH : **Bagaimanakah pertandingan gasing uri diadakan dan dinilai?**

AN : Pertandingan dinilai banyak kategori. Satu dia ada banyak kategori.. pemusing terbaik. Pemusing terbaik. Contohnya, kalau kita main gasing tu kita kira apa kita main sebanyak dua puluh lima biji. Dua puluh lima biji tu pemusing kita ada lima. Jadi lima tu kita kena pusing lima biji lah seorang. Lima biji tu dia boleh pusing derek [tanpa henti] lima biji tu tak ada yang batal lepastu [selepas itu] satu hari tu dia tak ada yang batal berpusing dia boleh jadi pemusing terbaik. Selepas itu, satu lagi pemusing gasing terligat. Gasing terligat tu misalnya [contohnya] dia boleh berpusing selama dua jam empat puluh minit. Jadi gasing pasukan lain tak boleh nak potong dia punya pusingan tu dia boleh gasing terbaik. Ha jadi, satu lagi pasukan yang naik johan tu automatik pasukan tu jadi pasukan terbaik. Ha dia gitu [seperti itu], begitu juga dengan tukang sambut ataupun tukang cokok ni satu hari dia boleh selamatkan gasing sebanyak katakanlah dua puluh lima biji. Jadi orang lain tak boleh potong [lawan] dia orang lain cuma dua puluh biji ke lapan belas biji ke. Jadi yang dua puluh lima biji tu dia tukang cokok terbaik.

- FH : Benarkah hasil kajian mendapati bahawa gasing pangkah lebih terkenal di selatan tanah air seperti di negeri Johor dan ada juga di sebahagian negeri Selangor?
- AN : Betul la kalau gasing pangkah memang terkenal di Pahang, Johor, Melaka, Selangor tapi gasing uri ni memang dia tak pernah tengok pon memang dia cuba pon dia tak [tidak] akan pandai. Pasal [kerana] dia walaupun gasing sama-sama gasing kan tapi cara dimainkan berbeza. Sebabnya [kerana nya], gasing pangkah ni [ini] berat dia dalam rasa-rasa tak smpai pun dalam dua kilo tapi gasing uri ni berat dia empat kilo. Ha gitu [seperti itu], jadi besar empat kilo gasing tu besar yang ni gasing pangkah ni kecil [kecil] je [sahaja].
- FH : Dan betulkah gasing uri terkenal dinegeri Kelantan dan Terengganu?
- AN : Hmm dia di Terengganu kawasan Besut. Di Kelantan kawasan Kota Bharu.
- FH : Berapakah umur yang sesuai untuk bermain gasing uri ini?
- AN : Gasing uri ni dia kira lapan belas tahun ke atas, orang dewasa. Pasal apa [kerana apa], pasal [kerana] dia empat kilo kan mana [tidak] boleh main budak-budak.

TAMAT BAHAGIAN C

BAHAGIAN D: PENGALAMAN

- FH : Bilakah Abe Nor terlibat dalam bermain gasing?
- AN : Terlibat tu kira di masa kecil-kecil lagi la tapi kalau kira betul-betul tahun lapan puluh enam sampai hari ini hemm.
- FH : Adakah Abe Nor bermain gasing sejak kecil?
- AN : Kita tengok.. di bangku sekolah pon kita tengok la kita ikut, masa tingkatan dua tingkatan tiga sekolah rendah pon kita ikut tengok diorang [mereka] main lepastu [selepas itu] kita tak main cuma ikut lepastu [selepas itu] ada kesan di hati lah tapi kalau yang betul kita main kan tahun lapan puluh enam sampai hari ini lama juga.
- FH : Mengapakah Abe Nor berminat bermain gasing?

AN : Dia pasal [kerana] gini [ini] pasal gasing ni kiro [dikira] permainan bersih jadi tak ada unsur-unsur perjudian jadi pastu [selepas itu] dia mengeratkan silaturrahim ha gitulah [seperti itu lah].

FH : **Siaran TV apakah yang pernah menjemput Abe Nor?**

AN : Siaran TV [televisyen] tu banyak, TV9 pon kita dah pernah, TV3 dua tiga kali masuk dalam Selamat Pagi Malaysia, Majalah 3, TV1 Jejari Seni, TV1 dua tiga kali juga. Selepas itu, astro. Itu hari astro 306 astro tu cina rasanya. Baru siar baru ni [baru-baru ini].

FH : **Bolehkah Abe Nor menceritakan sedikit tentang pengalaman bermain gasing?**

AN : Pengalaman tu suka duka ke macam mana [bagaimana]. Kalau suka, kalau bermain gasing ni dia ada dua jenis lah satu kalau kita main gasing tu gasing kita menang kita happy [gembira] lah tapi kalau kita masuk bertanding kita kalah memang kita akan berduka lah. Ha gitu [seperti itu]. Dan satu lagi, gasing ni kira [dikira] dia paling banyak cabaran dia ginilah kayu. Bila kita tinggal jauh-jauh. Contohnya, kita nak pergi cari kayu kita *target* [sasaran] kayu ni kita nak tapi haritu kita tak dapat kayu tu dapat kayu lain jadi kira pengalaman pahit jugalah. Contohnya, kita nak kayu berbaru lah buat gasing. Cuma hok [yang] paling comey [comel] kayu berbaru. Paling comel paling sinonim dengan gasing. Kayu lain okey juga. Kayu getah boleh buat kayu baru [berbaru] boleh buat. Tapi kalau khas untuk perlawanan kita ambil kayu berbaru lah pasal dia kayu baru [berbaru] ni bila buat gasing dia ligat.

FH : **Sepanjang Abe Nor bermain gasing, adakah Abe Nor belajar dengan seorang?**

AN : Kita buat gasing ni kita tak pernah belajar cuma kita buat kita tengok apa kita tengok orang tua kita buat pastu [selepas itu] bila kita pandai kita cari-cari sendiri mana reka bentuk gasing ni dia tak pernah berubah macamni [seperti ini] cuma kita boleh berubah nya aksesori di atas ni, aksesori diani dengan ini. Yang ni dipanggil jambul, kalau bahasa Kelantan, bahasa gasing dia panggil motek. Lepastu [selepas itu] dia punya ini panggil tutup kepala, kalau orang Kelantan panggil mekup. Ni kita buat daripada perak. Kita buat diri [sendiri] jugok [juga] ini hok [yang] hitam ini lah tanduk kerbau. Dan dia napok [nampak] kuning tekok [leher] dia kito [kita] buat daripada kayu kemuning. Babtu [sebab itu] gasing ini kalau kita nak buat gasing ni satu hari sebijji je [sahaja]. Ha jadi, pasal [kerana] apa pasal [kerana] dia banyak peringkat kita nak pasang tekok [leher] dio [dia], palo [kepala] dio [dia] lepahtu [selepas itu] kito [kita] nak buat motek dio [dia]. Banyak peringkat. Tu [itu] pon [pun] sari [sehari] kito [kita] kiro [kira] tidak

fed up [menyampah] tuh [itu]. Kalu *fed up* [menyampah] kito [kita] tinggal kito [kita] ulang hari lain. Ha gitu [seperti itu].

FH : **Adakah gasing yang dimainkan oleh Abe Nor dibuat sendiri atau dibeli?**

AN : Semua gasing kita buat sendiri, kita tak pernah ambil gasing orang lain. Jadi, bila kita ambil gasing orang lain tu perlawanan tu dia macam [seperti] ini lah macam [seperti] apa macam [seperti] tak manis lah tak bagus lah. Misal [seperti] contoh ginilah kita ambil pasukan lain lepastu [selepas itu] kita berlawan dengan pembuat gasing tu diri [sendiri]. Jadi, tak comey [comel] la gitu. Dia paling hok [yang] bagus nyo [nya] bila gasing kita buat, kita buat untuk perlawanan. Jadi, gasing kito [kita] pun dia takleh [tak boleh] itulah. Ado [ada] jugok [juga] pembuat gasing ni dia apa, dia buat gasing dengan kita lepahtu [selepas itu] apabila masuk perlawanan tu dia akan berlawan dengan gasing kita. Ado jugok gitu pon [ada juga seperti itu pun].

FH : **Apakah bahan untuk membuat gasing uri?**

AN : Bahan dio [dia] timah, ini yang dipanggil simpal timah. Lepastu [selepas itu], tengah-tengah ni kayu. Lepastu [selepas itu] dia apa yang kuning ni kayu juga. Hitam ni [ini] tanduk kerbau, tutup kepala ni [ini] perak lepastu [selepas itu] aluminium lepastu [selepas itu] di bawah ni kita pasang tiga skrew. Tiga skrew untuk menguat kepala gasing. Jadi, kepala gasing tugas dia paling besar. Kita pasang tali pun disini juga. Jadi kalau kita tak masukkan skrew mungkin gasing akan jadi rosak. Lepastu [selepas itu] tengah-tengah gasing dia kita masukkan paksi. Paksi di tengah-tengah gasing. Jadi, paksi ni gasing boleh berpusing selama dua jam setengah dan paksi ni kita buat daripada besi keluli/ besi baja. Begitu juga dengan lopok gasing. Itulah bahan-bahan dia kayu dan timah kombinasi kayu dan timah dan sedikit bahan-bahan lain.

FH : **Kayu apakah yang digunakan untuk membuat gasing uri?**

AN : Nak buat gasing uri ni semua kayu boleh buat asalkan cantik. Sebagai seorang tukang gasing dia tau lah dia tau tengok [lihat] di mana kayu tu cantik , di bahagian mana. Walaupun begitu, dia ada kelebihan antara kayu ni. Dia ada dua jenis kayu. Yang paling okey yang paling cantik buat gasing. Paling apa paling bermutu tinggi lah. Kayu berbaru dan kayu merbau.

FH : **Bolehkah kayu lain digunakan untuk membuat gasing?**

- AN : Kayu lain boleh juga. Boleh juga buat gasing cuma kalau nak dibandingkan dengan kayu tu (kayu berbaru dan kayu merbau) tak boleh lah. Contohnya, kayu ni kayu rambutan cantik jugak ha gitu [seperti itu] tapi cantik rambutan gitulah [seperti itu lah] kalau kayu berbaru lebih cantik dari ini lagi.
- FH : **Apakah kayu yang terbaik untuk membuat gasing?**
- AN : Terbaik kayu berbaru kayu merbau. Dua jenis kayu tu [itu] je [sahaja] kayu berbaru dan kayu merbau.
- FH : **Dimanakah terdapat nya kayu itu?**
- AN : Kayu berbaru biasanya terdapat di kawasan-kawasan berpaya di muka kuala dan di kawasan berpaya dia ada, di tepi sungai kayu berbaru. Kayu merbau terdapat di kawasan-kawasan hulu Kelantan.
- FH : **Kayu merbau dan kayu berbaru. Kayu manakah yang paling baik untuk membuat gasing?**
- AN : Hemm kira-kira terbaik sekarang ni kayu berbaru.
- FH : **Apakah kisah pertama yang Abe Nor ingat sepanjang bermain gasing?**
- AN : Mulo-mulo [dulu-dulu] main gini lah [seperti ini lah] kira kita tengok orang main kita tengok orang tua kita main lepastu [selepas itu] kita teraso [berasa] minat nok [nak] main lepahtu [selepas itu] kito [kita] mitok [minta] la dengan dio [mereka]. Kito [kita] cubo [cuba] nok [nak] main tapi diorang [mereka] bagi kita pusing tak menjadi. Jadi, benda tu [itu] lah yang membakar semangat. Kita pusing tak jadi, itu yang menjadi pembakar semangat. Balik tu kita *training training training* [latihan latihan latihan] juga tiap-tiap hari kita *training* [latihan] sampai dapat.
- FH : **Apakah pengalaman paling berharga yang Abe Nor ingat sepanjang bermain gasing?**
- AN : Pengalaman paling berharga kita buat *show* [demonstrasi] di luar negeri. Kita buat di London lepastu [selepas itu] kita buat di Indonesia. Ha gitu [seperti itu] jadi bila [apabila] kita buat demonstrasi diarang [mereka] tak [tidak] pernah tengok [melihat] gasing. Jadi, banyak la soalan -soalan mereka tanya kita macam mana [bagaimana] gasing ni. Macam mana

[bagaimana] jadi gini [seperti ini]. Macam mana [bagaimana] bila pusing [apabila berpusing] sampai dua jam setengah. Jadi kita terpaksa kena [perlu] bagitau [beritahu] dia [mereka].

FH : **Apakah pengalaman pahit sepanjang bermain gasing?**

AN : Pengalaman pahit dia apabila kita bermain gasing kita kalah. Jadi, dengan kekalahan itulah kita sebagai pendorong. Jadi, kalau kita tak [tidak] kalah mungkin tak [tidak] jadi macam ni [seperti ini]. Kita kalah jadi macam ni [seperti ini]. Jadi, pendorong kita usaha lebih usaha lebih sampai dapat. Sampai lah jadi [menjadi] macam [seperti] hari ni [ini].

FH : **Adakah permainan gasing ini boleh menghasilkan duit?**

AN : Memang boleh pasal [kerana] apa sekarang ni [ini] kita bermain gasing pun kita dibayar. Lepastu [selepas itu] dia tempah gasing untuk cendera hati contohnya yang kecil dia bayar. Yang ni pun [ini pun] kita jual RM 550 sebiji dan yang kecil-kecil ikut saiz lah. Jadi, adakala dorang [mereka] tempah sebanyak satu bulan kira yang kecil dua tiga saiz satu biji. Manakala yang ni yang besar ni dia minta lima biji. Biasanya, kalau yang besar ni museum banyak beli. Museum lepastu [selepas itu] apa orang perseorangan banyak juga beli. Tidak semestinya pelancong.

FH : **Sepanjang Abe Nor bermain gasing adakah Abe Nor mempunyai seorang idola?**

AN : Idola saya, kira idola saya keluarga saya. Jadi, kalau dalam pemain-pemain apa semasa perlawanan takde [tidak ada] idola saya. Jadi, idola ni kira kalau rakan sebaya takde [tidak ada] idola la. Kalau rakan sebaya kita cuma menghormati dia cuma kita tak minat dalam perlawanan gitu [seperti itu] lah. Idola kita kira keluarga kita yang dulu-dulu.

FH : **Apakah persiapan sebelum hendak bermain gasing?**

AN : Haa. Persiapan dia kira [dikira] gini [seperti ini] lah tidur kene [harus] cukup lepastu [selepas itu] kita dalam keadaan baik. Dari segi kesihatan semua kene [harus] baik semua sekali lah.

FH : **Adakah terdapat latihan sebelum melakukan persembahan gasing?**

AN : Dia mestilah kita kene [harus] buat latihan. Sebab apa kalau kita tak buat latihan. Kita risau juga lah takut kita buat *show* [demonstrasi] tidak berjaya tidak sebagaimana kita kehendaki. Jadi kalau kita buat latihan kita boleh tahu pemain kita dalam keadaan baik hari itu.

- FH : **Bilakah bermulanya persembahan gasing dan pada pukul berapakah permainan gasing selalunya bermula?**
- AN : Dia tidak tentu dia atas penganjurlah, tapi kalau perlawanan dia bermula pada pukul sembilan pagi sampai lah pukul tiga. Tapi kalau untuk *show* [demonstrasi] tak [tidak] ikut masa dia bagi satu hari dalam tiga kali sehari pukul sepuluh, sebelas , pukul tiga begitulah. Ikut jadual yang mereka beri.
- FH : **Berapakah pusingan gasing dalam persembahan gasing?**
- AN : Tidak tentu juga, kadang-kala kita pusing. Kita kadang-kala satu hari tu kita pusing dalam enam biji gasing. Paling banyak enam biji gasing kita boleh tengok la kira atas penonton la. Kalau penonton ramai kita buat. Kalau penonton tidak ramai kita tidak buat. Ha gitulah [seperti itu lah] kecuali ada *cameraman* [juru kamera] dia nak ambil gambar semua sekali kita buat lah.
- FH : **Kebiasaan dalam permainan gasing, apakah kategori yang dipertandingkan?**
- AN : Dipertandingkan dia gini [seperti ini], kategori dia pemusing terbaik, tukang cokok terbaik, gasing terligat. Dia ada tiga kategori, tukang cokok terbaik, pemusing terligat lepastu [selepas itu] gasing tertinggi (minit gasing tertinggi).
- FH : **Bagaimanakah Abe Nor mengekalkan kecintaan bermain gasing?**
- AN : Dia kita kena jaga lah pasal [kerana] benda ni [ini] benda tradisional kan. Jadi kalau kita tidak jaga dia mungkin dia akan pupus. Jadi macam mane pun [walau bagaimana pun] kita mempertahankan dia supaya tidak pupus dan dikenali. Jadi, kalau kita tidak buat gitu [seperti itu] benda ni [ini] akan berkubu begitu [seperti itu] lah. Walau macam mane pun [walau bagaimana pun] kita kene [harus] pupuk semangat kita sayangkan permainan ni [ini].
- FH : **Adakah terdapat kelas untuk bermain gasing yang dilakukan oleh Abe Nor kepada sesiapa yang berminat untuk bermain gasing?**
- AN : Dulu kita buat juga lah sape-sape [siapa-siapa] nok [nak] buat nok [nak] belajar kita ajar nak buat gasing kita ajar tapi yang tinggal yang boleh cuma dalam keluarga. Sama juga dengan pemusing kita ajar orang luar kita ajar orang tu orang ni tapi yang dapat tu dalam keluarga juga anak sepupu lah anak saudara lah. Jadi, dalam keluarga kita. Jadi kadang-kadang orang kata kita pilih kasih. Sebenarnya tidak, sebenarnya kita pilih atas prestasi. Jadi kalau prestasi dia

dalam keadaan baik terpaksa kita bawak dia pergi ke mana-mana. Kalau prestasi tidak baik kita tidak pilih kasih. Kalau kita pilih kasih pun kualiti permainan kita kurang. Pasal [kerana] dia ni kalau kira pemusing tidak pandai lagi tapi kita bawa dia dah. Jadi kualiti tidak ada. Terpaksa macam mana pon kita kene [harus] ambil yang pandai, yang professional.

FH : **Kebiasaan dimanakah Abe Nor membuat persembahan dalam negeri Kelantan?**

AN : Di Kelantan, tidak tentu juga lah. Ikut orang panggil Tanah Merah ke Gua Musang ke Pasir Mas ke mana pun gitulah [begitu lah]. Tapi yang tentunya kita buat di gelanggang seni. Kita kene [harus] ada dua kali sebulan gitulah.

FH : **Apakah kesan bermain gasing dalam kehidupan harian Abe Nor?**

AN : Kesan dia suka, makna benda ni (gasing uri) hati puas, pasal kita dapat menguasai permainan ini dan tahap kita pada hari ini (sekarang). Jadi hati kita puas sebab benda ni kita buat ni memang cita-cita kita gitu doh [seperti itu dah]. Makna kata kita nak memperkenalkan permainan ni kalau boleh serata dunia. Contohnya, kita pergi ke London. Malaysia ni dah kira [dikira] tidak asing lagi lah. Bila kita pergi tu orang ramai dah kenal. Bila pergi orang tau dah ini pasukan Abe Nor. Kadang kala kita tidak tahu siapa mereka tapi dia kenal dah kita (pasukan pemain gasing Abe Nor).

TAMAT BAHAGIAN D

BAHAGIAN E: PENGALAMAN KERJAYA

NS : **Kebiasaan Abe Nor membuat persembahan bermain gasing uri di mana?**

AN : Saya kalau kira di Malaysia ni merata la, banyak tempat, tak boleh oyak [kata] la, kita ikut undangan. Undangan mana-mana kita gi [pergi], tak kiralah pergi Muzium Kuala Lumpur atau pergi mana atau pergi stesen mana. Lepas itu [selepas itu] pasaraya pun kita buat juga contohnya macam di Wan Plaza atau kalau ada jemputan makan malam pun kita buat juga macam contohnya ginilah [seperti inilah] kalau mesyuarat permainan sedunia pernah Abe Nor buat di hotel tapi masa tidak okaylah kiranya semasa solat maghrib, biasalah semasa solat macamni [seperti ini] memang kena *control* lah [kawal].

NS : **Bilakah kumpulan Kubang Cik Ayu ditubuhkan?**

- AN : Kumpulan Cik Ayu beroperasi di Kampung Padang Bemban, di sinilah. Di sini nama kampung, Kampung Padang Bemban. Jadi nama Cik Ayu ni seperti nama satu legenda lah Kubang Cik Ayu tu. Kubang Cik Ayu tu kubur sebenarnya, kubur orang tino [perempuan]. Ore tino [orang perempuan] tu biasalah comel [cantik], kemudian orang tu nak orang ni nak, lama-lama putih mata belaka. Dia mati, kubur depan ni, kubur ni mengusik [berhantu] dulu, tapi sekarang aman damai. Abe Nor ambil nama tu, Kubang Cik Ayu jadi hebat pula pasukan ni. Letak nama ini, so-so [satu-satu] naik. Nama ini dipakai tahun 2000, sebelum pada ni kita orang tak kenal pun, main saja jadi kita bertanding pun tak hebatlah. Paling-paling nombor 3, nombor 2, nombor 3, nombor 2 semula. Tapi selepas ubah nama ke Kubang Cik Ayu ni orang sudah tahu. Kalau pasukan ni masuk bertanding, geng-geng [kumpulan-kumpulan] lain kenal lah.
- NS : **Apakah aktiviti yang dilakukan oleh Kumpulan Kubang Cik Ayu?**
- AN : Aktiviti kita, kalau kita ada masa lapang moleklah [eloklah] kita buat, yang lain-lain hobi masing-masinglah, hobi ini tak serupa. Contohnya kalau hobi ini nak main wau, pergi main wau, gitulah [seperti itulah] dia tak serupa [sama]. Kemudian kalau sampai masa untuk main gasing tu, kita tengok balik untuk main gasing.
- NS : **Apakah yang memberi minat kepada Abe Nor dan Kumpulan Kubang Cik Ayu untuk bermain gasing?**
- AN : Gasing ni permainan bersih sebenarnya kemudian gasing ni orang Kelate [Kelantan] kata boleh main boleh saing [berkawan] jadi kita nak luaskan saing [berkawan] kita dan so [satu] lagi untuk mengeratkan silaturrahim jadi contohnya semasa kita berlawan bermain gasing ini, gasing ini sekali berpusing 2 jam lebih jadi untuk mati [berhenti] dan dapat keputusan gasing, siapa yang menang siapa yang kalah. Kita bincang lah gapo [apa], mu [kamu] bincang hal mu [kamu], kita bincang hal kita sebab dalam pasukan kalau tengok macam – macam ada, jadi orang itu banyak *backup* [tolong] jadi apabila main gasing tu jadi macam sore [seorang] *backup* [tambahan] jadi biasa macam [seperti] bos dan pekerja. Balik rumah tiada boslah macam [seperti] di pejabat ada bos, macam begitu [seperti itu].
- NS : **Adakah terdapat pelajaran khusus untuk generasi muda bermain dengan gasing?**
- AN : Gasing ini sekarang masuk dalam contohnya macam gasing ni kita masuk dalam *group* [kumpulan]. Ada budak kita mengajar di sekolah.

- NS : **Pekerjaan apakah yang Abe Nor lakukan sebelum bermain gasing?**
- AN : Saya ni banyak kerja buat sebenarnya, tapi bawah diri sendirilah contoh buat wau, buat rumah boleh jadi macam-macam [pelbagai] kerjalah begitu.
- NS : **Bagaimanakah Abe Nor dan Kumpulan Kubang Cik Ayu mempersiapkan diri untuk bermain gasing pada peringkat antarabangsa?**
- AN : Begitulah kita kena buat latihan sikit sebelum kita pergi, dua tiga hari nak pergi kita kena buat latihan, kita kena tidur cukup kemudian prestasi kita. Kira pemain-pemain kena [harus] pilih jugalah mana yang terbaik, sebab itu kita ada latihan sebab latihan tu mana-mana yang kurang sikit kita kena lebihkan lagi contoh biasanya kita pergi dengan pemusing 3 ke (atau) 4 orang pemusing , buat *show* [persembahan] ni tak sama macam perlawanan. Perlawanan kalau kita tak dapat selamatkan gasing tu kita tak malu tapi kita buat *show* [persembahan] ni, penonton kita VIP, macam-macam [pelbagai] orang kadang-kadang Agung kan. Nanti kalau kita pusing tak jadi memang kita pusing ke dinding, maksudnya kita malu. Peluh tu sampai basah baju tapi buat masa sekarang berehlah [okaylah] mana kita buat tak pernah tak berjaya, berjaya sokmo [selalu]. Kemudian kita jadi pasukan promosi ni, Kubang Cik Ayu ni dalam bidang gasing ni.
- NS : **Siapakah pihak yang biasanya bertanggung jawab menganjurkan pertandingan gasing uri, sama ada di peringkat nasional atau antarabangsa?**
- AN : Dulu kalau di Kelantan ni yang selalu buat TIC (Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan) lah, seperti perlancungan hok [yang] negeri Kelantan, kalau *TOURISM* itu Malaysia. TIC ni macam yang kerajaan negeri, dia yang banyak tolong kita, dia juga lah yang bawa kita pergi mana-mana. Promosi Kelantan ke Kelantan pun dia lah, Tugas TIC ni jaga pasukan gasing kitalah.
- NS : **Kebiasaan dimanakah Abe Nor membuat persembahan dalam negeri Kelantan?**
- AN : Di Kelantan ikut penganjur, tak kiralah penganjur tu ahli politik ko [ke] apa ko [ke] atau untuk sambut sesiapa contohnya untuk menyambut Perdana Menteri mari [datang] di Airport Kota Bharu tu kita buat macam biasa [seperti biasa]. Tak [tidak] kiralah ikut penganjur, kalau penganjur kata macamtu [seperti itu] jadi macam tulah [seperti itulah]. Serupa [sama] juga di KL (Kuala Lumpur), KL (Kuala Lumpur) ni ikut penganjur juga kecuali kalau kita dengan usahawan desa (UD) kalau UD ini bawah KESEDAR lah. KESEDAR lah yang panggil kita, dia masuk ekspo lah, dia macam [seperti] ekspo tu kira 5 hari, 6 hari. Dia sediakan rumah,

makan minum juga. Kita pun mainlah nanti dia bagi jaduallah, sehari kita buat *show* [persembahan] tiga kali atau 4 kali tak kiralah jadi kalau mungkin kalau 4 kali tu kadang-kadang tak pusing sekali pun, kita pergi oyak [beritahu] dia apa gitu gini [seperti itu seperti ini]. Kalau ada wartawan kita pusing (gasing) dan kalau ramai baru pusing (gasing).

NS : **Selalunya Abe Nor membuat persembahan atas nama individual ataupun kumpulan Kubang Cik Ayu?**

AN : Kita buat atas nama kumpulan, Kubang Cik Ayu kecuali kita bawah KESEDAR kita potong nama kita jadi bawah KESEDAR. Sebab KESEDAR banyak dalam Malaysia, contohnya didatangkan khas dari KESEDAR Kelantan jadi begitulah tak ada nama Kubang Cik Ayu tu, kalau kita pergi begini [seperti ini] dengan KESEDAR saja kita buat begitu. Kalau dengan TIC kita tak boleh buat begitu.

TAMAT BAHAGIAN E

BAHAGIAN F: CABARAN

NS : **Apakah cabaran yang di hadapi Abe Nor dalam usaha untuk mengekalkan permainan tradisional ini?**

AN : Tiada cabaran sebenarnya, beginilah [seperti ini lah] jangan pasukan kita berpecah. Budak-budak kita sentiasa dalam keadaan bagus sokmo [selalu] kemudian kita akan tanya minat kepada mereka. Kita akan biar yang berminat dengan sendiri jadi benda ini kalau kita panggil dia kemudian dia buat taktahu, alasan banyak kerjalah beginilah [seperti inilah] macam-macam [pelbagai] lah, di situ yang akan pening kepala tapi buat masa sekarang okaylah tak pernah jadi begitu [seperti itu].

NS : **Boleh Abe Nor kongsi usaha-usaha yang sedang dijalankan untuk memastikan permainan gasing uri ini terus hidup dan dikenali oleh generasi muda?**

AN : Macamana [seperti mana] yang awak buat sekaranglah, badan berwajib pun panggil kita pergi bermain, bagi kita buat *show* [persembahan] di sana-sini. Dia kalau tak ada suntikan dari badan-badan berwajib kita tidak akan maju ke mana-mana pun, kalau badan berwajib hantar kita contohnya macam kraftangan kemudian KESEDAR panggil kita, jadi kita akan jadi semangat. Jadi kita yang bos [ketua] ni memang minat sokmo [selalu] dah cuma anak buah ni,

macamana [bagaimana] nak jaga. Nak jaga anak buah ni bukan senang. Payah [susah] juga lah tapi oleh kerana kita ini berkeluarga jadi main pon permainan keluarga, ada anak sedara, anak sepupu, jadi mudahlah. Jadi kalau orang ni payah [susah] sebab ada yang dengki sesama sendiri pun ada. Dia akan jadi perpecahan juga lah.

NS : **Adakah dengan tidak menguasai bahasa inggeris itu merupakan salah satu cabaran terhadap abe nor untuk berkomunikasi dengan mereka sepanjang melakukan persembahan di London?**

AN : Kenapa kita ada jurubahasa, setakat kita boleh sikit kita cakap bukan kita tidak tahu. Kalau payah [susah] sangat kita cuit [panggil] datanglah jurubahasa tu. Kadang kala payah [susah] juga sebab orang Sabah Sarawak pun pakai Bahasa Inggeris tapi orang Kelantan kita ni setakat yang boleh itulah.. Jadi kadang-kadang kita akan cuit [panggil] dia (jurubahasa). Jurubahasa itu dilantik dalam kalangan kumpulan kita. Dahulu kita pergi ke istana budaya dengan orang Sarawak dan India, kita orang Kelantan ni 3 orang sahaja jadi dalam kalangan kumpulan kita lah.

NS : **Adakah kesihatan pemain menjaskan dalam melakukan persembahan gasing?**

AN : Apa-apa permainan pun kalau tidak sihat memang prestasi menurun jadi kalau kesihatan tidak mengizinkan lebih baik jangan pergi kalau pergi takut mlarat begitulah, kalau kita pergi jauh mana-mana kena makan ubat begitulah, tidak sihat sekalipun panadol sentiasa ada dalam beg. Ada juga pemain lain yang akan ganti kalau perlu di ganti.

NS : **Adakah permainan gasing ini menggunakan tenaga yang banyak?**

AN : Berat gasing ini 4kg. Jadi kalau dalam kedaan tak sihat pun macam mana [bagaimana] untuk pusing gasing itu nanti. Kemudian gasing ini dimainkan oleh orang yang 18 tahun ke atas dan berkeadaan yang baik. Jadi seboleh-bolehnya pemusing gasing tu tidak kidal lah sebab dia kena [harus] pakai tangan kanan. Tangan kiri susahlah, tukang sambut tu yang akan jadi payah [susah], dia jadi kekok [tak biasa] dan dia akan pusing ke sudut yang lain biasa kalau kanan dari sudut ni tapi kalau kiri perlu pusing. Jadi kita pun akan sakit mata yang ini pusing sana yang ini pusing sini. Kita yang tengok akan sakit kepala.

NS : **Apakah cabaran semasa bermain gasing dalam dan luar negara?**

- AN : Dalam dan luar negara? Kita ginilah [begini lah] kita kena pusing gasing, permainan kita itu kena berjaya lah macam mana [walau bagaimanapun] pun kita kena tanam semangat pada pemain kita itu biar semangat bila kita buat persempahan itu berjaya. Tidak begitu? tidak berjaya kita kira persempahan ini tak macam [seperti] kita pasal perlawan tu dia lagu [seperti] lain dia tak dapat tak apa kita tak malu tapi semasa buat *show* [persempahan] ini kita malu. Contoh macam ginilah kita buat *show*, kita menyanyi sumbang belakang, tak malu? Begitulah [seperti itulah], kita sedap dah tak pasal-pasal jadi sumbang belakang ataupun kita duk [berada] tengah, pergi ubah pulak.. serupo [seperti] tu jugalah.
- NS : **Adakah suhu ataupun cuaca di luar negara juga merupakan cabaran kepada Abe Nor untuk bermain gasing?**
- Dia gasing ini dia main dalam cuaca-cuaca panas paling sederhana paling bagus, kalau kawasan itu sejuk contohnya dalam *aircond* [penghawa dingin] payah [susah] main gasing pasal [kerana] kita nak pusing gasing tu dia kena pakai getah jadi kalau *aircond* [penghawa dingin] tu getah akan jadi keras jadi apabila keras ni dia tak melekat ha cubalah kita pergi negera-negera sejuk, contohnya kita pergi London sehari jadi keras semua sekali, getah kita jadi air batu baru kena fikir macamna nak buat cari-cari elektrik kita letak dekat elektrik supaya getah kita cair balik baru kita boleh pusing. Ha gitu, kalau terlajak panas pula suhu terlampau panas tali akan jadi lembut, tali kita akan jadi lembut pastu [selepas itu] dia apabila lembut sangat dia bila kita pusing gasing tu, gasing tu tali tak dapat nak bawa gasing jadi tak *balance* [stabil] lah. Jadi cuaca ni memang ambik peranan lah.
- NS : **Adakah Abe Nor mempunyai pengalaman peralatan bermain gasing rosak ketika membuat persempahan?**
- AN : Rosak tu.. semasa persempahan tak pernah rosaklah tapi semasa perlawan adalah ada rosak contohnya patoh palo (kepala gasing patah) semasa kita pusing gasing tu dia akan patoh palo [kepala patah] tapi dalam persempahan ni kita cari gasing kita yang apa? yang kuat sikit lah contohnya kita cari kayu kita yang kuat sikit kalau kayu yang lembut tu mungkin akan cabut palo ni [kepala ini] boleh jadi, jadi nak buat persempahan tu kayu kita pilih doh, gasing-gasing kita pilih doh [sudah], gasing kita sebelum nak buat gasing tu gasing tu dalam keadaan kuatlah. Ha gitu [seperti itu]. Jadi kita nak mengelak benda gitulah. Jadi kalau.. paling- paling kayu dia retak sikit-sikit kan kita *out* lah [keluarlah]. Dokpun [tak pun] dia punya jamu ni kita kena kemaslah, jamu ni boleh cabut sebenarnya kita pakai kita letak dengan gam gajah je [sahaja]

ni jadi kalau tak da [tak ada] jamu ni memang kita tak boleh pusing gasing lah sebabnya benda ni sebagai..tapi dia sebagai apa?...goyang-goyang dia pon jadi stabil. Ni payah ni nak stabil.

NS : **Dalam bermain gasing, adakah Abe Nor mendapatkan tekanan?**

AN : Ada, tekanan tu sewaktu perlawanan lah, contohnya ada 5 *round* [pusingan], kita perlu menang 3 *round* [pusingan] pastu [selepas itu] kalau tekanan gitulah kalau tempat yang samalah ha contohnya dua dua, dua-dua jadi seri [sama] jadi kita akan rebut [ambil] satu, kira [dikira] kalau menang *round* [pusingan] tu kita menang kalau kita kalah *round* [pusingan] tu kita kalahlah gitulah [begitulah] tekanan. Macam mana [walau bagaimanapun] pun kita kena cari kelajuan gasing kita ni kena [harus] baiki pastu [selepas itu] nak masuk akhir kan. kena *setting* [baiki]. Ha kalau kita kena dengan *setting* [baiki] kita berjaya lah kita okaylah kalau kita tak pernah..kita akan jadi kalah jadi kalah kita tu akan bawa ke apa ke bulan depanlah ha kalau boleh esok nak lawan lagi tapi tak bolehlah begitu

NS : **Adakah terdapat pergaduhan dalam bermain gasing dalam kumpulan Abe Noor?**

AN : Dia kira biasalah, tapi kalau kita jaga tu memang baik belaka lah, benda-benda gini bila ramai kan kita kena bertolak ansur pastu [selepas itu] peranan orang atas kena bijak jadi kalau orang atas tak bijak ha gitulah [seperti itulah] sukan permainan ni. Pastu [selepas itu] kita pandai *handle* [urus] budak-budaklah jadi kita kalau masalah duit ke gini-gini [seperti ini] kita jangan fikir sangat jangan fikir toksoh [tak perlu] fikir benda ni contohnya kita pergi main mana-mana pun orang bayar RM1000 ke RM3000 kita jangan fikir duit kita kena bahagi-bahagi biar belaka sama, jangan ke ore [orang] ni gini [seperti ini] ore [orang] ni gini [seperti ini] benda permainan kita kita tak boleh pilih kasih ha gitu [seperti itu] kecek [percakapan] kita pun kena jaga jadi kalau nak gurau [bergurau] lebih-lebih janganlah ha habis situlah, dia gurau lebih- lebih ni adik beradik pun boleh jadi masam muka, betul tak?

NS : **Gasing Uri juga dipercayai turut digunakan pada zaman dahulu bertujuan menguji kekebalan atau kekuatan seseorang pemiliknya dengan dibaca jampi serapah ketika bermain bagi menumpaskan pihak lawan di dalam gelanggang. Adakah masih terdapat penggunaan ilmu seperti ini dalam permainan gasing sekarang?**

AN : Dia sekarang ni kita, kita tak buatlah benda gitu, dulu memanglah gasing ni tempat orang nak menunjuk ilmu contohnya biar gasing ni pusing dia baca-baca gasing ni gasing ni jadi mati (berhenti) ataupun dia baca, si pemusing tu akan jadi lemah dia boleh buat macam-macam lah

tapi loni [sekarang] tak ada gitu dah, loni [sekarang] kosong kita main-main macam gitulah nak pusing gasing kita baca Bismillah gitulah takda lah benda gini [seperti ini] benda ini benda mendarut takda [tidak ada] orang khabar nak menguji-nguji ilmu. Tapi zaman dulu gasing ini tak boleh lari dah dengan tok bomoh apabila kita main gasing tu kena ada seorang tok bomoh . Tapi kalau kita tak pakai tok bomoh orang ni pakai kita memang memanjang [setiap masa] kalah tapi kita pun kena pakai jugalah tapi pakai pun cuma sikit gitulah kalau ada bias-bias [tempias-tempias] tak kena ha gitulah [seperti itulah] selebihnya tak [tidak] ada tapi dulu memanglah berasap lah apalah tapi era tu era tok kita.

NS : **Adakah Abe Noor pernah berjumpa orang yang bermain ilmu hitam dalam permainan?**

AN : Era saya tak jumpa dah tapi sebelum saya bermain dulu ada, ada orang pergi siram tanah dia pergi bacalah tu masa kita kecil-kecil lagi semasa orang tua kita bermain, semasa kita main ni tak pakai gapo [apa] dah pasal kita main kita jadi ketua dah dalam permainan ini kita ambik juga bukan tak ambil tapi kalau orang lain bomoh tapi kita tak bomoh tak boleh juga kena bawa sikit tapi kita bomoh pun sikit-sikit sajalah gitu-gitu ja untuk elak benda-benda tu lah.

NS : **Adakah COVID19 memberi kesan kepada permainan gasing?**

AN : Memang, serupa benda lain jugalah 2 tahun lebih kita tak jeling [tengok] pun gasing 2 tahun lebih kalau tak buat apa-apa pakai duk [duduk] gitulah [seperti itulah] sampai harini. Harini gasing mana berklat lagi kalau dulu berklat tengok ni baru servis sokmo, loni [sekarang] jadi begini [seperti ini] malas sebab covid itu hari, pastu [selepas itu] tak da [tidak ada] siapa mari buat gapo-gapo [apa-apa]. Raya ini tak sunyi kadang-kadang raja dari Jerman pun mari tak [tidak] kiralah dari Jerman ke mana-mana seluruh dunia mari belaka tapi sejak COVID19 mana ada yang mari maknanya pelajar pun tak mari [datang]. Biasa paling-paling dekat pelajar UMK lah mari [datang] pastu [selepas itu] kalau Seri Iskandar Perak tu UITM banyak mari [datang]. Haritu sekali 40 pelajar mari termasuk kereta dia sekali tapi kalau tak kiralah jiran-jiran ni kira kita pernah ambik pelajar ni nak kata 2 3 ratus setahun lebih tak boleh kira, mari pasal [kerana] mari dah dia kerja dah tak ingatlah, mana boleh ingat macam cikgu sekolah juga, cikgu sekolah ni dia boleh kenal lah hok [yang] pandai dengan hok [yang] nakal ni, tanya cikgu. Hok [yang] pandai yang dia kenal lah yang nakal ni taktau siapa.

NS : **Adakah terdapat usaha khusus untuk memastikan permainan gasing uri ini tidak pupus?**

AN : Berbalik kepada badan berwajiblah, memang ...makna kata undangan kurang, kuranglah. Buat masa ni undangan dua dah kita tolak ni di pasar di KL (Kuala Lumpur) dua tu. Tolak tu banyak sibuk, bukan sebab sibuk tolak harga bukan murah. Harga sekarang Abe Nor ambil 4 ore [orang] kira dalam Kelantan ni pakai jam lepas waktu kerja tu, kalau 2 jam kira 500 ya [ringgit]. kalau luar dari Kelantan ni tak balik lah kalau pergi sendiri kira harga kereta, 1000 setengah lah kiranya seribu setengah tu tak masuk kereta. Penat mace [seperti] orang ni dia lani [sekarang] dengan orang silat.

TAMAT BAHAGIAN F

BAHAGIAN G: SUMBANGAN

NS : **Apakah yang menjadi pencapaian terbesar Abe Nor dalam dunia bermain gasing?**

AN : Pencapaian besar gitulah [seperti itulah], kira kita ni nasib baiklah ke pasukan maknanya kita bertanding tu kita jugalah kita menang sokmo [selalu]. Memang terbaiklah, pastu [selepas itu] kalau nak buat *show* (persembahan) pasukan kita jugalah yang mari. Jadi dua tu dalam permainan kita jemput sokmo. Jadi kalau pertandingan tu kita selalu-selalu ada *job* [pekerjaan]. Pastu [selepas itu] kalau untuk demonstrasi permainan pon selalulah panggil kita. Tak [tidak] panggil pasukan lain terkenal tu tidaklah jadi gitulah [seperti itu lah].

NS : **Apakah yang dilakukan oleh Abe Nor semasa tahun melawat Kelantan?**

AN : Dulu ginilah [seperti ini lah], makna kita ni [ini] kira pasukan gasing ini kita yang sekali lah jadi kalau ikut lah kalau TIC lah bertindak sebagai kayu utama tengoklah pada undangan dia akan buatlah jadi orang yang Z

NS : **Adakah gasing yang dibuat oleh Abe Nor untuk dijual kepada orang luar?**

AN : Hmm hokni [yang ini] kita selalu jual, untuk orang luar untuk pelancong untuk sapa-sapa [siapa-siapa] pun jual, sesiapa yang berminat boleh beli sama ada kecil besar boleh belaka. Hoktu [yang ini] yang kecil kan, original bukan *fake* [tiruan], yang ni *standard* [biasa] saizlah, dia (gasing) ada 3 saiz yang ini harga dia 350.

NS : **Kalau yang kecil?**

- AN : 300, tiga saiz ni [ini]. Original ni bukan *fake* [tiruan], memang original.
- NS : **Siapakah yang membeli gasing Abe Nor?**
- AN : Dia yang beli gasing orang biasa pon boleh. Sesiapa yang berminat boleh beli. Tak [tidak] kira siapalah pelancong-pelancong mesti berminat.
- NS : **Selain London dan Indonesia, negara manakah Abe Nor dan Kumpulan Kubang Cik Ayu melakukan persembahan untuk memperkenalkan permainan gasing uri?**
- AN : Pergi mana tah [entah] 2013, tak ingat manalah ingat tahun je [sahaja].
- NS : **Bolehkah Abe Nor berkongsi maklumat mengenai pertandingan gasing uri yang dianjurkan di peringkat nasional berkenaan penyertaan dan sambutan terhadap pertandingan tersebut?**
- AN : Di peringkat internasional ke dia tak banyak. Dia tak panggil kita untuk perlawanan. Pasal [kerana] apa? Pasal [kerana] gasing ni cuma ada di Kelantan sahaja. Bukan seluruh Kelantan, tidak. dalam Kawasan Kota Bharu sahaja. Dimana Kawasan Kota Bharu utara tu kawasan persisir pantailah pastu [selepas itu] sampai ke Besut, Terengganu. Jadi negeri lain tu [itu] akan jemput kita untuk demonstrasi, ni gasing orang luar main gasing pangkah orang panggil. Macamana [bagaimana] gasing ni dengan gasing ni. Dia macam dewa dengan hambalah kira. Hokni [yang ini] dewa hokni [yang ini] hamba, macamana [bagaimana] tahu tengok bentuk dia. Kalau untuk kebangsaan tu dia akan panggil kita, kalau dia buat tiga hari tiga harilah kita akan buat *show* [persembahan] ha, gasing ni dengan gasing ni memang tak boleh bertanding, yangni pangkah, pusing dan pangkah, yangni pusing dan lihat. Awak asal mana?
- NS : **Kedah.**
- AN : Kedah..Kedah memang kita pernah buat di Sungai Petani.
- NS : **Kalau Kedah bermain dengan gasing juga ka? Erh?**
- AN : : Kedah ada gasing ke? Kedah Perlis tak ada gasing.
- NS : **Memang benar gasing uri yang dimainkan oleh Abe Nor dan Kumpulan Kubang Cik Ayu pernah mewakili malaysia peringkat internasional, bagaimana penerimaan daripada negara-negara luar?**

- AN : Negara luar bagus, kita berkerjasama, contohnya kita buat di Indonesia. Dia sanggup membuka kelas kita mengajar, bengkel di Indonesia. Jadi kita jadi masalah pula la, kena jadi orang nu [sana] mengajar. Payah [susah] juga la kalau dia datang sini pun ada pelajaran nak kena ajar.
- NS : **Selain dari berkolaborasi bersama Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan bagi membuat persembahan permainan gasing dengan jabatan mana lagi Abe Nor mempunyai kesempatan untuk mempromosi permainan gasing uri?**
- AN : Kita ada buat dengan KESEDAR, pastu [selepas itu] kita buat dengan muzium pastu [selepas itu] Muzium Istana Budaya. Macam-macam [pelbagai] lah kita buat. Sekarang ni tak [tidak] kira siapa jemput kita, kita pergi. Orang politik ke orang apa ke, mana jemput kita pergi. Jemput kita kena bayar dahla, tanya berapa nak bayar, tanya dulu harga dulu pastu setuju harga, bereh [okay].

TAMAT BAHAGIAN G

BAHAGIAN H: HARAPAN

- NS : **Gasing merupakan salah satu permainan tradisional yang terdapat di Malaysia yang telah diwarisi dari zaman ke zaman sejak dulu lagi. Namun, permainan gasing sekarang sudah tidak terlalu mendapat tempat. Apakah harapan Abe Nor kepada generasi baru pada masa kini?**
- AN : Dia memanglah, kalau tak [tidak] minat tak boleh menguasai permainan, makna kata kalau dia dapat menguasai permainan ini dia akan minat sendiri contohnya semua pemain-pemain kita bukan orang tua. Mula [bermula] pada peringkat awal dia tak minat juga tapi apabila dia kenal benda ini, dapat menguasai benda ini, dia minat. Lepas tu [selepas itu], orang lain pula akan mari [datang] belajar teknik membuat gasing, belajar memusing, belajar sambut tapi kalau tak dapat tu dia macam kecewalah, jadi kalau dapat menguasai benda ini, belajar betul-betul memang dia akan begini [seperti ini]. Pastu satu lagi kena biarlah kat mana-mana kat kampung ke kalau badan mana-mana pun kalau tak ada suntikan dari badan berwajib kan kita takkan sampai ke mana. Jadi sekarang ni badan berwajib ni contohnya macam TIC, pastu [selepas itu] orang lain pun selalulah buat *show* [persembahan] mana-mana jadi orang akan

jadi kenallah, dia pun akan jadi kukuh. Jadi gasing ni tak tengok pon. Awak tengok dah? tapi kalau tengok minat akan terlekat di hati. Gitu [Beginu].

- NS : **Apakah nasihat yang hendak Abe Nor beri kepada generasi muda yang ingin bermain gasing?**
- AN : Daripada kita melepak di tepi jalan, di tepi pasar lebih baik kita main gasing, salah satu permainan tradisional yang bersih. Jadi kita sayanglah kalau kita tak teruskan. Kata orang tak kenal maka tak cinta.
- NS : **Bagaimana generasi sekarang dapat membantu melestarikan dan menghargai permainan gasing uri sesuai dengan harapan Abe Nor?**
- AN : Sebenarnya gitulah [begitulah], diorang [mereka] selalu minat bukan tak minat cuma itulah masa lah nak belajar lagi apa lagi. Gitulah [begitulah]jadinya. Yang betul- betul berminat tu bolehlah. Senang kata dia mampulah. Dia gini [seperti ini] bila kita pandai bukan kata main gasing, main congkak pon kalau pandai terlekat di hati.
- NS : **Selain melakukan persembahan bagaimanakah Abe Nor menarik minat golongan anak muda sekarang?**
- AN : Dia tengok kita buat *show* [persembahan], contohlah mula dari situ. Buat *show* [persembahan] itu memanglah. Nak kata berlatih tu kita kira nak jadi begini ni [seperti ini], jadi macam [seperti] harini banyak liku- liku kita lalu. Kita buat ni [ini] tiada bayaran sesen [satu sen] pon dengan program TV [televisyen] dengan harga termurah sekali kita buat, tapi sekarang ni tak boleh gitulah [begitulah] nak kata mahal, tidak. Gitulah [seperti itu lah], orang ramai kenal kita jadi terpaksalah kena [harus] buat begitu. Kena bayar betul-betul baru kita buat. Jadi dengan cara begitu budak-budak tengok hebat dia ni [ini], nak belajar pusing gasinglah. Malaslah nak buat benda lain. Ha itulah [seperti itulah] cara dia.
- NS : **Selain itu apakah Abe Nor boleh lakukan bagi golongan anak muda yang berminat dengan gasing ini?**
- AN : Kita begini [seperti ini] lah kalau ada perlawanan kita kena ikut dia, ikut dia tengok dulu, tengok dulu bagaimana orang main gasing, selepas itu kena kena ajar dia sikit - sikit, kena bawa dia menyertai pertandingan. Ini kalau boleh tak pandai pun kita bagi dia cuba sekali.

Dia cuba sekali jadi lah, tak jadi itu lah yang akan membakar semangat dia. nanti jadi tak malu dekat orang lah untuk belajar.

- NS : **Adakah Abe Nor berharap permainan gasing uri ini diterima secara lebih luas oleh generasi muda, atau adakah lebih memilih untuk menjaga keaslian permainan tradisional gasing uridengan menyimpannya dalam lingkungan yang lebih tua dan dewasa sahaja?**
- AN : Memanglah kita berharap tidak akan jadi putus lah.
- NS : **Apakah Abe Nor mendapat dana atau sokongan dari kerajaan untuk mengembangkan permainan gasing uri ini?**
- AN : Saya ini kalau kira dana dari kerajaan kan, macam [seperti] tak [tidak] pernah dapat pun. cuma ada-ada ja bengkel tu kita buat sendiri, benda-benda lain pun macam *material-material* [bahan-bahan] lain pun seperti mesin kita pakai tradisional sungguh ha..tak [tidak] pakai alat-alat moden. Kalau kita pakai alat-alat moden ni, pelancong-pelancong luar negeri tak [tidak] mahu tengok , tak [tidak] dapat perhatian, benda-benda lama juga. Benda lama ni benda manual lah bukanya auto. Sebab itu saya sampai ke hari ini guna mesin tradisional, buat sendiri. Jamu pun buat sendiri apatah lagi gasing ni.
- NS : **Bagaimana Abe Nor melihat masa depan pertandingan gasing uri ini? Adakah terdapat usaha-usaha untuk memperluaskan lagi skop dan penyertaan dalam pertandingan ini di masa akan datang?**
- AN : Saya rasa, bagi sayalah. Benda semasa sekarang saya pun sudah ada pelapis, jadi saya rasa dia akan berkembang lagi lah [lebih lagi] pasal [kerana] sekarang jalan kita dah buka semua sekali tinggal lagi pemain-pemain baru jadi pelapis kita pun dah dikenali ramai jadi rasanya okay lah.

TAMAT BAHAGIAN H

BAHAGIAN I: PENCAPAIAN

NS : **Apakah Abe Nor pernah menerima anugerah sepanjang bermain gasing?**

AN : Kita menang banyak anugerah. Kita ada anugerah kerajaan negeri.

NS : **Sebutkan satu anugerah atau pencapaian yang paling berharga pernah Abe Nor terima?**

AN : Anugerah pasukan terbaiklah tiga tahun berturut.

NS : **Ceritakan tentang anugerah atau pencapaian yang pernah anak didik Abe Nor terima?**

AN : Kita ada belaka [semua] ada dalam bilik tu. Saiful dengan Azwa, antara Saiful dengan Azwa banyak Azwa lagi. Dalam permainan gasing ni, dia adalah hero dalam permainan gasing ni, tanpa dia memang tak [tidak] boleh main.

NS : **Setakat ini, berapa ramaikah anak didik yang pernah belajar di bawah didikan Abe Nor?**

AN : Dia ramai, ramai juga lah. Tapi ramai tu dia.. bukan berhenti tak berhenti pandai lah, kita pasukan kita ini perlu ada 10 pemusing, 10 orang pemusing gasing . dia gasing ni dia tak boleh pusing pasang sendiri, pemusing tugas dia pusing gasing sahaja tapi orang lain yang pasang tali maknanya kita akan ada 10 orang pemusing, 10 orang pasang tali satu tukang cokok pastu [selepas itu] kena [harus] ada tukang gasing, dalam permainan gasing kena [harus] ada tukang gasing paling tidak pun satu orang sebabnya kalau tak ada tukang gasing, satu gasing harganya 500 ratus sebiji, jadi kalau tak ada tukang gasing rasanya macam mana [bagaimana] dia main gasing. Kalau upah orang tak larat. Dalam satu pasukan gasing kita kena ada 30 biji gasing, perlu kita kena [harus] ada. Semasa perlawanan tu kalau gasing kita rosak, tak [tidak] ada tukang baiki memang masalah , memang kita tak [tidak] boleh pusing lah.

NS : **Berapakah umur anak-anak didik yang Abe Nor ambil?**

AN : Dalam 30 an begitu. Paling muda dalam 23 macam itu [seperti itu]. Belasan tahun tiada [tidak ada]. Main gasing ni 18 tahun ke atas. Permainan ini dimainkan oleh orang dewasa, kita tengok badan dia pun, badan *tough* [sasa] kalau badan kecil tak boleh lah, 15 tahun pun kalau badan dia sasa boleh lah main. Pakej nya badan lah satu lagi kalau dia itu minat, minat kalau

skill [teknik] tinggi badan kecil tak apa. Tengok cara dia lah, kalau dia pusing walau dia kecil *skill* [teknik] dia tinggi.

- NS : **Selain pernah muncul dalam TV, adakah Abe Nor juga pernah memasuki berita dalam media cetak seperti surat khabar?**
- AN : Banyak surat khabar, lepas tu [selepas itu] dalam slot drama pun ada, drama melayu tapi tak raja [pernah] tengok, kita duduk mana kadang-kadang banyak program TV (televisyen). Ramai berlakon drama disini.
- NS : **Apakah terdapat rintangan yang dihadapi dalam mencapai kejayaan dalam permainan gasing uri?**
- AN : Rintangan tu dia tak [tidak] ada rintangan kerana setiap yang kita buat tu menjadi. Dia barang-barang dia mudah dapat. Paling payah sikit kayu dia, kayu dia kadang-kadang kita nak kayu yang lebih cantik daripada yang ini tak dapat. Apabila kayu daripada pokok itu kita belah bagi cantik, dia apabila kita potong kayu tak cantik sebab itu kena [perlu] cari lain itu pun sama kena potong bagi cantik.
- NS : **Kayu ni pun ambik sendirilah bukan beli?**
- AN : Kayu ni tak boleh beli, kita beli kayu itu memang, haritu kita apa pun tak dapat. Kita langsung cari sendiri
- NS : **Apakah dalam tempoh yang terdekat Abe Nor mempunyai pertandingan ataupun persesembahan?**
- AN : Buat masa terdekat ni tak ada. Sekarang ini raya haji pastu [selepas itu] dia tak tahu lagi mungkin tak stabil kot jadi kalau pertandingan tu ada khabar-khabarnya tapi dalam perancangan. Benda ni bermodal tinggi jugalah.
- NS : **Sehingga kini berapa berapa biji kah gasing yang terjual oleh Abe Nor?**
- AN : Tak [tidak] terkiralah pasal [kerana] kita jual dari tahun bila lagi. Selalu sudah jual jadi tak terkira. Yang besar atau yang kecil ikut atas permintaan.
- NS : **Apakah ada matlamat yang belum dicapai lagi oleh Abe Nor?**

- AN : Rasa okaylah, bagi saya sudah cukup. Kita dah puas hati dah, rumah kita pun bereh [okay]. Dalam permainan ini semua sudah dapat dan orang sudah kenal. Kalau dulu kita tak terfikir akan jadi begini [seperti ini]. Macam [seperti] anak murid saya, macam [seperti] kamu anak murid saya serata Malaysia. Kita satu tahun tu lebih dari seratus anak murid.
- NS : **Berapakah bilangan pertandingan gasing yang kumpulan Abe Nor sertai di luar negara?**
- AN : Kita memang tak [tidak] ingat sebab kita memang tak [tidak] pernah tanda pun, pergi mana-mana habis, habislah. Begitu [seperti itu], cuma kita tidak ingat pergi mana tahun lepas. Kita kalau pergi ke luar negera bukanlah pertandingan tapi *show* [persembahan].
- NS : **Apakah perasaan Abe Nor apabila mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa melalui permainan gasing uri?**
- AN : : Kita tak pernah terduga kita akan sampai ke hari ini, jadi apabila kita sampai ke hari ini kita memang suka sekalilah. Kita jadi sukalah kita jadi macamni [seperti hari ini], begitulah [seperti itu] anugerah dia bagi begitu [seperti itu].

TAMAT BAHAGIAN I

Maka dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan abe nor di sepanjang pengalamannya dalam permainan gasing uri sebagai pemain dan pembuat gasing uri dari tahun 1984 sehingga kini. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam permainan tradisional negeri kelantan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN

LOG

WAWANCARA

LOG WAWANCARA

Fasihah Hazirah and Nursyafinaz telah menemu ramah Abe Noor, tokoh Gasing Uri pada tarikh 17 Mei 2024, hari Jumaat dan bertempat di rumah beliau iaitu di Kampung Padang Bemban. Temu ramah diadakan bertujuan untuk mengambil tahu lebih terperinci tentang permainan tradisional gasing yang dipanggil Gasing Uri. Tokoh yang telah kami pilih ialah Encik Ismail Bin Mohamad yang mana merupakan seorang pembuat dan juga pemain Gasing Uri yang terkenal di negeri Kelantan.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG		
2.29	Nama sebenar tokoh	Ismail bin Mohamad
3.05	Umur Abe tokoh	
3.11	Tarkh lahir tokoh	2 September 1954
3.18	Tempat lahir tokoh	Kota Bharu
3.26	Nama panggilan	Abe Nor
3.39	Anak yang ke	-
3.46	Nama isteri	-
3.53	Pekerjaan isteri	Mengendali kedai runcit
4.02	Bilangan anak	-
4.15	Pekerjaan anak-anak	Bekerja sendiri, Arkitek ukur bahan
5.00	Hobi di masa lapang	Bermain gasing, Bermain wau, Dikir barat

BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN		
5.29	Sekolah rendah tokoh	Sekolah Kebangsaan Mentuan
5.36	Sekolah menengah tokoh	Sekolah Menengah Raja Sakti, Kolej Vokasional Pengkalan Chepa
5.55	Jurusan diambil Ketika belajar di Kolej Vokasional Pengkalan Chepa	Bina bangunan
BAHAGIAN C: SEJARAH GASING		
7.03	Sejarah permainan Gasing Uri	700 tahun lalu Ketika pemerintahan Kesultanan Jembal
9.28	Tahun bermulanya permainan gasing di Tanah Melayu	7000 tahun lalu Ketika Kesultanan Jembal Selepas Kesultanan Melaka
10.10	Negeri pertama bermain Gasing Uri	Kelantan sahaja
10.42	Jenis dan nama lain bagi permainan gasing	Gasing pangkah, Gasing Uri
13.50	Menceritakan tugas setiap pemain	Pemusing, Tukang balut tali, Pembantu, Ketua pasukan, Tukang sambut, Penolong ketua pasukan
14.30	Menceritakan tentang siapa yang membantu beliau dalam pembuatan gasing	Anak saudara
14.57	Gasing paling tua yang beliau mainkan	50 tahun

15.59	Menceritakan tentang peraturan yang perlu dipatuhi semasa bermain gasing	Buka gelanggang, Jangan pakai jam tangan, Berkaki ayam,
		Perlu memakai semuta, Tidak boleh memakai seluar jeans, Perlu memakai T-shirt Perlu memakai selendang
16.48	Gasing yang tidak mudah rosak	Gasing Uri
21.10	Menceritakan cara pembuatan Gasing Uri	Cari kayu, Tanduk kerbau sebagai kepala gasing, Kayu dijemur dua bulan, Kayu mula diproses untuk dijadikan gasing
23.50	Harga gasing yang sudah siap	Standard RM500
24.33	Berat gasing	3.7-kilogram hingga 4.0 kilogram
24.45	Tali yang digunakan dalam permainan gasing	Sekarang menggunakan tali kapal, Dahulu hanya menggunakan kulit kayu sahaja
25.53	Cara-cara bermain gasing uri	Ada gelanggang, Letak BOM, Membuat undi Pusing gasing Sambut gasing
28.15	Peranan permainan gasing	Mengeratkan silaturrahim

29.08	Menceritakan bagaimana gasing uri ini mendapat namanya.	Gasing uri ni kalau dikira perkataan Uri tu adalah test (ujian) masa sebenarnya.
-------	---	--

37.25	Menceritakan umur yang sesuai untuk bermain Gasing Uri ini	18 tahun ke atas
-------	--	------------------

BAHAGIAN D: PENGALAMAN

37.59	Menceritakan tentang permulaan penglibatan beliau dalam dunia gasing.	Tahun 1986
39.09	Siaran televisyen yang pernah menjemput beliau	Tv9 Tv3 Tv1 Astro 306
44.36	Menceritakan tentang gasing yang dimainkan sama ada dibuat sendiri atau dibeli	Dibuat sendiri
45.44	Menceritakan tentang bahan untuk membuat gasing	Timah Kayu Tanduk kerbau Perak Aluminium Skrew Besi keluli/besi baja
47.16	Kayu yang digunakan untuk membuat Gasing Uri	Semua kayu boleh digunakan asalkan cantik Kayu yang paling bermutu tinggi seperti kayu berbaru dan kayu merbau

50.43	Menceritakan tentang pengalaman paling berharga sepanjang bermain gasing	Membuat demonstrasi di London dan di Indonesia
56.56	Menceritakan tentang kategori yang selalu dipertandingkan	Pemusing terbaik Tukang sambut terbaik Gasing paling lama berpuasing
59.10	Menceritakan tentang kebiasaan tempat beliau membuat persembahan di Kelantan	Tanah Merah Gua Musang Pasir Mas
BAHAGIAN E: PENGALAM KERJAYA		
1.03.43	Menceritakan tentang kebiasaan tempat beliau membuat persembahan	Muzium Kuala Lumpur Wan Plaza
1.08.37	Menceritakan tentang pekerjaan tokoh sebelum bermain gasing	Membuat wau Membuat rumah
1.11.03	Pihak yang biasanya bertanggungjawab menganjurkan pertandingan Gasing Uri.	Pusat Penarangan Negeri Kelantan TOURISM
BAHAGIAN F: CABARAN		
1.21.45	Menceritakan cabaran semasa bermain di luar negara	Memastikan bahawa persembahan itu berjaya
1.29.16	Menceritakan tentang menggunakan ilmu hitam dalam permainan gasing	Dahulu gasing menjadi tempat orang menunjuk ilmu Sekarang sudah tiada penggunaan ilmu-ilmu ini.

1.31.50	Menceritakan kesan COVID19 kepada permainan gasing	2 tahun permainan gasing sunyi
BAHAGIAN G: SUMBANGAN		

1.36.55	Menceritakan pencapaian terbesar tokoh	Sentiasa menjadi pilihan untuk membuat demonstrasi
BAHAGIAN H: HARAPAN		
1.47.26	Harapan tokoh terhadap generasi muda	Menguasai permainan Minat dengan sendiri
1.49.30	Nasihat tokoh kepada generasi muda yang ingin mempelajari gasing	Permainan gasing permainan yang bersih
1.54.48	Menceritakan tentang sokongan yang diterima	Modal sendiri
BAHAGIAN I: PENCAPAIAN		
1.57.40	Menceritakan tentang pencapaian paling berharga	Anugerah pasukan terbaiklah tiga tahun berturut.
2.00.55	Umur anak didik tokoh	Dalam 30an

DIARI KAJIAN

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA
12 p.m. – 2 pm.	21 Mac 2024	Kami mendapat maklumat berkenaan tugasan lisan dari Puan Nurulannisa.
12 p.m. – 2 pm.	4 April 2024	Kami membuat kajian berkenaan permainan tradisional, makanan tradisional dan tempat yang menarik di Kelantan.
12 p.m. – 2 pm.	18 April 2024	Pada awal pemilihan, kami memilih tempat menarik yang terdapat di Kelantan seperti Rumah Tiang 12 yang terletak di Kawasan Kota Bahru.
12 p.m. – 2 pm.	25 April 2024	Mencari maklumat tentang Rumah Tiang 12.
3 p.m. – 4 p.m.	30 April 2024	Memilih untuk menukar kepada tokoh permainan tradisional iaitu gasing kerana ianya popular di negeri Kelantan dan Terengganu.
12 p.m. – 2 pm.	2 May 2024	Menyiapkan abstrak dan <i>preliminary presentation</i> untuk mendapatkan kelulusan dari Puan Nurulannisa.
12 p.m. – 2 pm.	9 May 2024	Mendapatkan kelulusan Puan Nurulannisa untuk membuat penyelidikan ke atas Abe Noor iaitu seorang tokoh permainan Gasing Uri.
12 p.m. – 2 pm.	9 May 2024	Menyiapkan proposal, preliminary slide dan soalan untuk sesi temubual.

10 a.m.	15 May 2024	Menulis email kepada HEA untuk mendapatkan surat kebenaran untuk menemu bual tokoh yang dipilih.
10 a.m. -1.30 p.m.	17 May 2024	Sesi temubual bersama Abe Noor berlangsung.
1.30 p.m. – 1.45 p.m.	17 May 2024	Mengucapkan terima kasih kepada Abe Noor atas kerjasam beliau membantu kami menyiapkan tugasan. Kami turut menyediakan cenderamata sebagai tanda terima kasih atas kerjsama baik yang beliau diberikan.
3 p.m.- 4p.m.	21 May 2024	Perbincangan tentang pembahagian tugas sewaktu kelas
10.00 p.m.	18 Julai 2024	Menghantar transkrip kepada pensyarah di Google Classrom.
9.00 a.m.	23 Julai 2024	Menghantar transkrip kepada pensyarah beserta CD di bilik pensyarah.

SENARAI SOALAN

GASING URI

INTERVIEW QUESTION (KUBANG CIK AYU)

A. LATAR BELAKANG

1. Apakah nama sebenar abe nor?
2. Berapakah umur abe nor?
3. Bilakah tarikh lahir abe nor?
4. Dimanakah tempat lahir?
5. Apakah nama panggilan?
6. Berapakah bilangan adik beradik abe nor?
7. Abe nor anak ke berapa?
8. Apakah nama isteri abe nor?
9. Apakah isteri encik nor bekerja, jika ya apakah pekerjaan beliau?
10. Berapakah bilangan anak abe nor?
11. Apakah pekerjaan anak-anak abe nor?
12. Adakah ada anak abe nor yang mengikuti abe nor bermain gasing?

B. SEJARAH PENDIDIKAN

13. Dimanakah sekolah rendah abe nor?
14. Dimanakah sekolah menengah abe nor?
15. Adakah abe nor melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi atau abe nor terus bekerja?
16. Dimanakah abe nor melanjutkan pelajaran selepas SPM?

C. SEJARAH GASING

17. Dalam bermain gasing, adakah perubahan kepada keadaan gasing?
18. Berapa tahunkah wujudnya permainan gasing?
19. Dimanakah bermulanya permainan gasing?
20. Pada tahun berapakah bermulanya permainan gasing?
21. Di Malaysia, negeri manakah yang bermain gasing?
22. Kenapakah di negeri lain cuma bermain gasing pangkah sahaja?
23. Adakah orang luar juga bermain gasing?
24. Adakah permainan gasing ini dilakukan secara berkumpulan atau bersendirian?
25. Apakah tugas atau peranan setiap pemain?
26. Siapakah yang membantu abe nor dalam pembuatan gasing?
27. Gasing pangkah dengan gasing uri? Gasing manakah yang tidak akan mudah rosak?
28. Adakah permainan gasing ini boleh menghasilkan duit?
29. Semasa bermain gasing, apakah peraturannya?
30. Adakah permulaan gasing hanya menggunakan kayu sahaja untuk membentuk gasing?
31. Berapakah harga satu gasing yang telah siap?
32. Berapakah berat setiap satu gasing?
33. Berapa tahun kah umur setiap gasing?
34. Tali apakah yang digunakan dalam permainan gasing?
35. Bagaimanakah cara untuk bermain gasing ini?
36. Adakah terdapat pelajaran khusus untuk bermain gasing uri?
37. Bagaimana abe nor mengukur kejayaan dalam bermain gasing?

D. PENGALAMAN

38. Bilakah abe nor terlibat dalam bermain gasing?
39. Adakah abe nor bermain gasing sejak kecil?
40. Mengapakah abe nor berminat bermain gasing?
41. Siaran TV apakah yang pernah menjemput abe nor?
42. Bolehkah abe nor menceritakan sedikit tentang pengalaman bermain gasing?
43. Sepanjang abe nor bermain gasing, adakah abe nor belajar dengan seorang?
44. Adakah gasing yang dimainkan oleh abe nor dibuat sendiri atau dibeli?
45. Apakah bahan untuk membuat gasing uri?
46. Kayu apakah yang digunakan untuk membuat gasing uri?
47. Bolehkah kayu lain digunakan untuk membuat gasing?
48. Apakah kayu yang terbaik untuk membuat gasing?
49. Dimanakah terdapatnya kayu itu?
50. Kayu merbau dan kayu berbaru. Kayu manakah yang paling baik untuk membuat gasing?
51. Apakah kisah pertama yang abe nor ingat sepanjang bermain gasing?
52. Apakah pengalaman paling berharga yang abe nor ingat sepanjang bermain gasing?
53. Apakah pengalaman pahit sepanjang bermain gasing?
54. Selain dari negeri Kelantan negeri manakah yang bermain gasing?
55. Sepanjang abe nor bermain gasing adakah abe nor mempunyai seorang idola?
56. Apakah persiapan/ persediaan sebelum hendak bermain gasing?
57. Adakah terdapat latihan sebelum melakukan persembahan gasing?

58. Bilakah bermulanya persembahan gasing? Pada pukul berapakah permainan gasing selalunya bermula?
59. Berapakah pusingan gasing dalam persembahan gasing?
60. Kebiasaan dalam permainan gasing? Apakah kategori yang dipertandingkan?
61. Bagaimanakah abe nor mengekalkan kecintaan bermain gasing?
62. Adakah terdapat kelas untuk bermain gasing yang dilakukan oleh abe nor kepada sesiapa yang berminat untuk bermain gasing?
63. Apakah hobi abe nor pada waktu lapang? Adakah gasing?
64. Kebiasaanya dimanakah abe nor membuat persembahan dalam negeri Kelantan?

E. PENGALAMAN KERJAYA

65. Kebiasaannya abe nor membuat persembahan bermain gasing uri dimana?
66. Bilakah kumpulan Kubang Cik Ayu ditubuhkan?
67. Dimanakah Kumpulan Kubang Cik Ayu beroperasi?
68. Apakah aktiviti yang dilakukan oleh Kumpulan Kubang Cik Ayu?
69. Apakah yang memberi minat kepada abe nor untuk bermain gasing?
70. Adakah terdapat pelajaran khusus untuk generasi muda bermain dengan gasing?
71. Berapakah umur untuk bermain gasing uri?
72. Berapa lama kah gasing uri ini berpusing?
73. Pekerjaan apakah yang abe nor lakukan sebelum bermain gasing?
74. Bagaimanakah abe nor mempersiapkan diri untuk bermain gasing pada peringkat antarabangsa?
75. Apakah kesan bermain gasing dalam kehidupan harian abe nor?

F. SUMBANGAN

76. Apakah yang menjadi pencapaian terbesar abe nor dalam dunia bermain gasing?
77. Apakah yang dilakukan oleh abe nor semasa tahun melawat Kelantan?
78. Adakah gasing yang dibuat oleh abe nor untuk dijual kepada orang luar?
79. Berapakah harga satu gasing?
80. Siapakah yang membeli gasing abe nor?
81. Selain London dan Indonesia. Negara manakah abe nor melakukan persembahan untuk memperkenalkan permainan tradisional Kelantan?

G. CABARAN

82. Apakah cabaran yang abe nor hadapi sepanjang bermain gasing?
83. Adakah dengan tidak menguasai bahasa inggeris itu merupakan salah satu cabaran terhadap abe nor untuk berkomunikasi dengan mereka sepanjang melakukan persembahan di London?
84. Adakah kesihatan pemain menjaskankan dalam melakukan persembahan gasing?
85. Adakah permainan gasing ini menggunakan tenaga yang banyak?
86. Apakah cabaran semasa bermain gasing dalam dan luar negara?
87. Adakah suhu/ faktor cuaca di luar negara juga merupakan cabaran kepada abe nor untuk bermain gasing?
88. Adakah abe nor mempunyai pengalaman peralatan bermain gasing rosak ketika membuat persembahan?
89. Dalam bermain gasing, adakah abe nor stress? Adakah terdapat tekanan?
90. Adakah terdapat pergaduhan dalam bermain gasing?
91. Adakah terdapat penggunaan ilmu hitam dalam pertandingan gasing?

92. Bagaimanakah cara abe nor menangani buatan orang dalam pertandingan bermain gasing?

93. Adakah COVID19 memberi kesan kepada permainan gasing?

H. HARAPAN

94. Apakah harapan abe nor kepada generasi baru pada masa kini?

95. Apakah nasihat yang hendak abe nor beri kepada generasi muda yang ingin bermain gasing?

96. Bagaimana generasi sekarang dapat membantu melestarikan dan menghargai permainan tradisional tersebut, sesuai dengan harapan abe nor?

97. Selain melakukan persembahan bagaimanakah abe nor menarik minat golongan anak muda sekarang?

98. Adakah abe nor berharap sukan ini diterima secara lebih luas oleh generasi muda, atau adakah lebih memilih untuk menjaga keaslian sukan tersebut dengan menyimpannya dalam lingkungan yang lebih tradisional?

99. Apakah abe nor melihat teknologi sebagai alat yang berguna untuk memperluas jangkauan sukan tradisional atau lebih sebagai ancaman terhadap keaslian dan keberlangsungan sukan tersebut?

100. Apakah abe nor memiliki harapan khusus terkait pendanaan dan dukungan pemerintah untuk melestarikan dan mengembangkan sukan tradisional?

I. PENCAPAIAN

101. Apakah abe nor pernah menerima anugerah sepanjang bermain gasing?

102. Sebutkan satu anugerah atau pencapaian yang paling berharga pernah abe nor terima?


103. Ceritakan tentang anugerah atau pencapaian yang pernah anak didik abe nor terima?

104. Setakat ini, berapa ramaikah anak didik yang pernah belajar di bawah abe nor?

105. Berapakah umur anak-anak didik yang abe nor ambil?

106. Selain pernah muncul dalam TV, adakah abe nor juga pernah memasuki berita dalam media cetak seperti berita harian dan sebagainya?
107. Apakah ada rintangan atau tantangan yang dihadapi dalam mencapai kesuksesan dalam permainan tradisional ini?
108. Bagaimana cara mengatasi permasalahan tersebut?
109. Apakah abe nor memiliki strategi khusus atau pendekatan unik yang membantu mencapai kesuksesan dalam permainan tradisional ini?
110. Apakah terdapat pertandingan yang terdekat berkenaan sukan ini?
111. Apakah ada matlamat yang belum dicapai lagi oleh abe nor?

GAMBAR



Gambar 2. Peralatan bagi permainan gasing



Gambar 3. Gasing pangkah



Gambar 4. Gasing Uri



Gambar 5. Koleksi Gasing Uri Abe Nor



Gambar 6. Surat khabar berkaitan Abe Nor



Gambar 7. Surat khabar berkaitan Abe Nor



Gambar 8. Surat khabar berkaitan Abe Nor



Gambar 9. Surat khabar berkaitan Abe Nor




Gambar 10. Surat khabar berkaitan Abe Nor



Gambar 11. Sijil penghargaan



Gambar 12. Sijil penghargaan



Gambar 13. Sijil penghargaan



Gambar 14. Sijil penghargaan

BIBLIOGRAFI

BIBLIOGRAFI

Home. Universiti Teknologi MARA Official Website. (2024, June 10).

<https://uitm.edu.my/index.php/en/>

Komitmen Ismail Kekalkan seni membuat gasing piring » media permata online. (n.d.).

<https://mediapermata.com.bn/komitmen-ismail-kekalkan-seni-membuat-gasing-piring/>

Nshafiney. (2023, January 11). *Flipbook - flip ebook pages 1-8: Anyflip: Nshafiney.*

AnyFlip. <https://anyflip.com/uabcz/qdnu/basic>

Rtmklik. RTMKlik. (n.d.).

<https://rtmklik.rtm.gov.my/play/program/legasiseni/legasiseniepisod1>

INDEKS

INDEKS

A

Abe Nor 3,8,9,10,13,16,17,18,19,20,21,22,23,24,26,27,28,29,30,31,32,33,34,35
6,37,38,39,42,49,50,52,54,55,56,57,58,63,64,65,69

G

Gasing 5,6,9,10,11,12,13,14,15,16,17,19,20,21,22,23,24,25,26,27,28,29,30,31
2,33,34,35,37,39,43,44,46,47,49,53,54,55,56,57,58,62
Gasing Pangkah 12,13,18,33,43,53,62
Gasing Uri 8,36,38,42,45,52,53,54,55,56,63

K

KESEDAR 26,27,34
Kelantan 3,5,6,8,11,12,16,17,19,21,24,25,26,27,28,32,33,34,39,42,43,46,49,54,5
56
Kayu 5,12,13,14,15,16,19,21,29,32,38,44,53,54

P

Pemain 5,8,12,16,22,24,26,28,29,34,36,39,42,43,53,56

T

TIC 26,27,32,34